

**KAJIAN MENGENAI KERJA-KERJA KONSERVASI  
YANG DIJALANKAN DALAM MENGEKALKAN  
NILAI WARISAN YANG TERDAPAT PADA  
BANGUNAN MUZIUM ISLAM DI KOTA BHARU,  
KELANTAN**

**NORSYAZWANI BINTI DIN**

UNIVERSITI

MALAYSIA

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN  
KEPUJIAN**

KELANTAN

**2022**



**Kajian Mengenai Kerja-Kerja Konservasi Yang  
Dijalankan Dalam Mengekalkan Nilai Warisan Yang  
Terdapat Pada Bangunan Muzium Islam Di Kota Bharu,  
Kelantan**

DISEDIAKAN OLEH

**NORSYAZWANI BINTI DIN C18A0595**

Laporan Projek Akhir Ini Dikemukakan Sebagai Syarat Dalam  
Memenuhi Penganugerahan

Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian.

**Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan**

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

2022

**PERAKUAN TESIS**

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

**TERBUKA**

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

**SULIT**

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)\*

**TERHAD**

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)\*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Disahkan oleh:

---

(Tanda tangan pelajar)

(Tanda tangan penyelia)

Tarikh :

Nama :

Tarikh:

Nota\* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

## PENGHARGAAN

Bismillahirahmanirahim...

Assalamualaikum w.b.t, pertama sekali, saya ingin memanjatkan syukur ke hadrat Allah S.W.T. di atas segala rahmatnya yang telah memberi saya inspirasi, kebijaksanaan, kekuatan dan kesabaran dalam menyempurnakan projek ilmiah tahun akhir ini.

Seterusnya, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada penyelia saya iaitu TS. DR. Shahariah Norain binti Shaharudin dan TS. DR. Mukhtaruddin bin Musa di atas segala masa yang berharga, ilmu dan nasihat yang tidak terkira, serta bimbingan dan dorongan yang sangat memberi motivasi. Tanpa bantuan beliau, saya tidak akan dapat menyiapkan projek ilmiah tahun akhir ini.

Di samping itu, saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada ibu saya iaitu Siti Noor binti Ismail dan bapa saya iaitu Din bin Awang di atas segala kesabaran, pertolongan dan kata-kata semangat yang sangat memberi makna. Ianya telah memberi kekuatan kepada saya sepanjang perjalanan pengajian ini. Terima kasih atas segala pengorbanan dan irungan doa yang sentiasa membakar semangat saya untuk terus berjuang dalam kehidupan ini. Terima kasih di atas keizinan yang telah diberikan.

Penghargaan turut diberikan kepada ahli keluarga dan rakan-rakan yang banyak membantu saya sepanjang pembelajaran saya. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Universiti Malaysia Kelantan dan semua yang telah menyumbang secara langsung dan tidak langsung dalam menyiapkan projek ilmiah tahun akhir ini. Terima Kasih.

KANDUNGAN	ISI KANDUNGAN	HALAMAN
SURAT PERAKUAN TESIS		I
PENGHARGAAN		II
ISI KANDUNGAN		III
SENARAI JADUAL		VI
SENARAI GAMBAR		VII
SENARAI RAJAH		IX
ABSTRAK		X
ABSTRACT		XI
BAB 1 : PENDAHULUAN 1		
1.1 Pengenalan		1
1.2 Latar Belakang		1
1.3 Permasalahan Kajian		5
1.4 Persoalan Kajian		6
1.5 Objektif Kajian		7
1.6 Skop Kajian		7
1.7 Kepentingan Kajian		8
1.8 Struktur Laporan		12
BAB 2 : SOROTAN KAJIAN		
2.1 Pengenalan		14

2.2 Sejarah Bangunan Muzium Islam Kelantan	15
2.3 Pendekatan Konservasi	17
2.4 Kerangka Teori	19
2.4.1 Teori Estetika	20
2.5 Kesimpulan	23
<b>BAB 3 : KAJIAN METODOLOGI</b>	
3.1 Pengenalan	24
3.2 Rekabentuk Kajian	25
3.2.1 Kaedah Kualitatif	25
3.3 Pengumpulan Data	27
3.3.1 Data Primer	29
3.3.2 Data Sekunder	32
3.3.3 Proses Kajian	34
3.4 Persampelan	36
3.5 Instrumen Kajian	37
3.6 Analisis Data	40
3.7 Kesimpulan	41
<b>BAB 4 : DAPATAN KAJIAN</b>	
4.1 Pengenalan	42
4.2 Demografi Informan	42

4.3 Kesan Pemeliharaan Bangunan Warisan Muzium Islam Terhadap Masyarakat Sekitar	43
4.3.1 Kesan dari segi emosi	43
4.3.2 Kesan dari segi keindahan	45
4.3.3 Kesan dari segi ekonomi	50
4.4 Kerja-kerja Konservasi Yang Dijalankan Dalam Mengelakkan Nilai Warisan Yang Terdapat Pada Bangunan Muzium Islam di Kota Bharu, Kelantan	53
4.4.1 Kerja-kerja konservasi terhadap bangunan Muzium Islam	55
4.4.2 Pengekalan nilai warisan dari aspek reka bentuk	66
4.5 Keistimewaan dan Keunikan Seni Bina Bangunan Warisan Yang Terdapat Pada Muzium Islam di Kota Bharu Kelantan	67
4.5.1 Pengaruh seni bina (Bumbung)	67
4.5.2 Jenis-jenis reka bentuk	69
4.5.3 Jenis-jenis ukiran dan motif	73
4.6 Kesimpulan	78
BAB 5 : CADANGAN DAN RUMUSAN	
5.1 Pengenalan	79
5.2 Rumusan	79
5.3 Cadangan	82
RUJUKAN	83
LAMPIRAN	86

**SENARAI JADUAL****SENARAI JADUAL****HALAMAN**

Jadual 3.1 : Jadual kaedah temubual yang dijalankan	31
Jadual 4.1 : Senarai Informan kajian yang terdiri daripada pelbagai latar belakang	43

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## SENARAI GAMBAR

SENARAI GAMBAR	HALAMAN
Gambar 1.1 : Bangunan Warisan Muzium Islam Kota Bharu, Kelantan	3
Gambar 1.2 : Ruangan pameran tingkat bawah Muzium Islam Kelantan	4
Gambar 1.3 : Ruangan pameran tingkat atas Muzium Islam Kelantan	4
Gambar 1.4 : Peta lokasi Muzium Islam Kota Bharu, Kelantan	8
Gambar 4.1 : Seni Ukiran Khat menghiasi dinding bahagian dalam Muzium Islam	48
Gambar 4.2 : Dinding Janda Berhias pada bahagian tingkat bawah Muzium Islam	48
Gambar 4.3 : Seni Ukiran Khat pada bahagian dalam Muzium Islam	49
Gambar 4.4 : Dinding Susun Sireh pada bahagian luar dan Seni Ukir Pucuk	49
Rebung pada Andang-andang Muzium Islam	
Gambar 4.5 : Kedudukan Muzium Islam dengan penempatan sekeliling (Masjid Muhammadi Kota Bharu Kelantan) bersebelahan Muzium Islam	52
Gambar 4.6 : Gambar bangunan sebelum dibaik pulih (A) dan selepas dibaik pulih (B)	56
Gambar 4.7 : Gambar bumbung sebelum konservasi (A) dan gambar bumbung semasa konservasi (B)	57
Gambar 4.8: Kerja-kerja membuka lapisan kalis tiris (A) dan Kerja-kerja memasang lapisan kalis tiris yang baru (B)	57
Gambar 4.9 :Kerja-kerja memasang kayu jeriau (A) dan Kerja-kerja menyusun atap singgora (B)	58
Gambar 4.10: Atap singgora sebelum dicuci (A) dan Atap singgora yang telah dicuci (B)	59

Gambar 4.11: Atap Singgora baru sebelum disapu <i>water repellent</i> (A)	59
dan atap singgora baru selepas disapu <i>water repellent</i> (B)	
Gambar 4.12 : Andang-andang sebelum dicat semula (A) dan Andang-andang	60
selepas dicat semula (B)	
Gambar 4.13: Ukiran kepala pintu sebelum dicat semula (A) dan Ukiran	61
kepala pintu selepas dicat semula (B)	
Gambar 4.14: Ukiran kepala tingkap yang renggang sebelum dikonservasi (A)	62
dan Ukiran kepala tingkap yang telah dibaikpulih (B)	
Gambar 4.15 : Dinding tingkat bawah sebelum dikonservasi (A) dan Dinding	63
tingkat bawah selepas dikonservasi (B)	
Gambar 4.16 : Dinding anjung sebelum dikonservasi (A) dan Dinding	64
anjung selepas dikonservasi (B)	
Gambar 4.17 : Dinding luar tingkat atas sebelum dikonservasi (A) dan Dinding	65
luar tingkat atas selepas dikonservasi (B)	
Gambar 4.18 : Susunan Atap Singgora pada bumbung Muzium Islam	69
Gambar 4.19: Reka Bentuk bangunan Muzium Islam Kelantan	71
Gambar 4.20 : Hiasan dinding Janda Berhias bahagian dalam Muzium Islam	72
Gambar 4.21 : Dinding Jendela Susun Sireh Muzium Islam	73
Gambar 4.22 : Ukiran Andang-andang pada Bumbung Muzium Islam	74
Gambar 4.23 : Ukiran Tebuk Tembus Tidak Silat pada bahagian atas dinding	75
Gambar 4.24 : Ukiran Tebuk Tembus Khat yang menghiasi dinding Muzium	76
Gambar 4.25 : Ukiran Tebuk Tembus Bersilat Khat dan Bunga	76
Gambar 4.26 : Ukiran Khat Timbul pada pondok bahagian dalam Muzium	77
Islam	

**SENARAI RAJAH**

<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>HALAMAN</b>
Rajah 3.1 : Kaedah Kualitatif yang digunakan oleh penyelidik	28
Rajah 3.2 : Carta alir bagi proses kajian Muzium Islam Kelantan	35

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## ABSTRAK

Di dalam tesis ini, tajuk yang dipilih adalah berkaitan dengan kerja-kerja konservasi yang dijalankan dalam mengekalkan nilai warisan yang terdapat pada bangunan warisan Muzium Islam di Kota Bharu Kelantan. Muzium Islam merupakan rumah kediaman bekas Menteri Besar Kelantan iaitu Encik Hassan Bin Mohd Salleh yang merupakan Dato Menteri Negeri Kelantan pada tahun 1990 sehingga 1920. Bangunan Muzium Islam ini dibina pada tahun 1902 yang menginspirasikan gaya dan ciri-ciri model rumah Melayu Kelantan-Pattani pada abad ke-19 sehingga abad ke-20. Bangunan ini telah diiktirafkan sebagai pejabat Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan pada tahun 1917 sehingga tahun 1990. KDYMM Sultan Ismail Petra Ibni Almarhum Sultan Yahya Petra telah merasmikan Muzium Islam sebagai sebuah Galeri Muzium Islam pada 11 November 1991 sehingga kini. Permasalahan yang diulas dalam kajian ini adalah masyarakat kini kurang mengambil tahu tentang kepentingan nilai warisan, kurang jelas mengetahui tentang sejarah dan latar belakang serta kajian penyelidikan juga kurang dijalankan terhadap bangunan warisan tempatan. Kajian ini memfokuskan kepada objektif kajian iaitu mengenalpasti kesan pemeliharaan bangunan Muzium Islam terhadap masyarakat sekitar, mengkaji kerja-kerja konservasi yang dijalankan dalam mengekalkan nilai warisan serta menghuraikan keistimewaan dan keunikan seni bina bangunan warisan yang terdapat pada Muzium Islam Kelantan. Kaedah metodologi yang digunakan adalah menggunakan sumber data primer iaitu kaedah pemerhatian, kerja lapangan dan kaedah temubual serta data skunder iaitu sumber internet dan perpustakaan. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa kerja-kerja konservasi yang dijalankan terhadap bangunan Muzium Islam Kelantan telah mengekalkan nilai warisan yang terdapat pada bangunan Muzium Islam. Hal ini telah dibuktikan berdasarkan data temubual yang diperolehi daripada kesemua informan yang mana mereka bersetuju dengan kenyataan ini. Nilai warisan yang telah dikekalkan dapat dilihat pada hiasan dinding Janda Berhias, dinding jendela yang menggunakan teknik Susunan Sireh, ukiran kepala tingkap dan pintu, ukiran tulisan khat dan ukiran andang-andang yang bermotifkan Pucuk Rebung.

Kata kunci : Pemeliharaan, seni bina, bangunan warisan,Muzium Islam Kelantan.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## ABSTRACT

In this thesis, the title chosen is related to the conservation work carried out in maintaining the heritage value found in the heritage building of the Islamic Museum in Kota Bharu Kelantan. The Islamic Museum is the residence of the former Menteri Besar of Kelantan, Encik Hassan Bin Mohd Salleh who was the Dato Menteri of Kelantan in 1990 to 1920. The Islamic Museum building was built in 1902 which inspired the style and characteristics of the Kelantan-Pattani Malay house model on the 19th century until 20th century. This building was recognized as the office of the Kelantan Islamic Religious Council and Malay Customs in 1917 until 1990. KDYMM Sultan Ismail Petra Ibni Almarhum Sultan Yahya Petra has inaugurated the Islamic Museum as an Islamic Museum Gallery on 11 November 1991 until now. The problem discussed in this study is that the community is now less aware of the importance of heritage values, less clear knowledge about the history and background and research studies are also less conducted on local heritage buildings. This study focuses on the objective of the study which is to identify the impact of the preservation of the Islamic Museum building on the surrounding community, to investigate the conservation work carried out in maintaining heritage values and to describe the special and unique heritage building architecture found in the Kelantan Islamic Museum. The methodology used is to use primary data sources that are observation methods, fieldwork and interview methods as well as secondary data that are internet and library sources. The results of the study show that the conservation work carried out on the building of the Kelantan Islamic Museum has maintained the heritage value found in the building of the Islamic Museum. This has been proven based on interview data obtained from all informants with whom they agree with this statement. The heritage value that has been preserved can be seen in the decoration of the Janda Berhias wall decoration, the window wall that uses the technique of Susunan Sireh, the carving of the window and door heads, the calligraphy carving and the Pucuk Rebung carvings.

Keywords: Conservation, architecture, heritage buildings, Kelantan Islamic Museum.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Bab 1 ini menjelaskan tentang kajian yang akan dijalankan secara khusus. Dalam bab ini penyelidik menerangkan berkaitan topik penyelidikan iaitu kerja-kerja konservasi yang dijalankan dalam mengekalkan nilai warisan terhadap bangunan Muzium Islam Kota Bharu Kelantan dengan lebih terperinci. Bab ini terdiri daripada bahagian pendahuluan, latar belakang kawasan kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian dan kepentingan kajian untuk semua lapisan pembaca.

#### 1.2 Latar Belakang

Topik bagi kajian penyelidikan ini ialah kajian mengenai kerja-kerja konservasi yang dijalankan dalam mengekalkan nilai warisan yang terdapat pada bangunan Muzium Islam di Kota Bharu Kelantan. Pada asalnya bangunan warisan Muzium Islam merupakan rumah kediaman bekas Menteri Besar Kelantan iaitu Encik Hassan Bin Mohd Salleh yang merupakan Dato Menteri Negeri Kelantan pada tahun 1900 sehingga 1920. Muzium ini terletak di lokasi Jalan Sultan, Kota Bharu yang berhampiran dengan Masjid Muhammadi, Padang Merdeka dan Muzium Perang atau yang lebih dikenali sebagai Bank Kerapu. Bangunan warisan ini dibina pada tahun 1902 yang menginspirasikan gaya dan ciri-ciri model rumah Melayu Kelantan-Pattani pada hujung abad ke-19 sehingga awal abad ke-20. Bangunan Muzium Islam ini telah diiktirafkan sebagai pejabat Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan pada tahun 1917 sehingga tahun 1990.

Sehubungan dengan itu, KDYMM Sultan Ismail Petra Ibni Almarhum Sultan Yahya Petra telah merasmikan Muzium Islam tersebut sebagai sebuah Galeri Muzium Islam pada 11 November 1991 sehingga kini. Penubuhan Muzium Islam pada tahun 1991 ini mula beroperasi di Bangunan Lama Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK). Perasmian bangunan muzium ini sebagai sebuah Galeri Muzium Islam adalah bertujuan untuk menubuhkan sebuah institusi yang dapat mengumpul, memelihara, menyelidik dan mempamerkan warisan sejarah sosial budaya masyarakat Islam di Kelantan. Hal ini demikian kerana, di dalam galeri ini terdapat pelbagai koleksi-koleksi pameran yang dipamerkan antaranya ialah artifak, gambar-gambar, tokoh-tokoh agama Islam, rajah-rajah berkenaan sejarah ketibaan Islam ke Kelantan-Nusantara, Majlis Agama Islam Kelantan, Jabatan Agama dan lain-lain koleksi Islam seluruh negara termasuklah pameran Replika Mumia Firaun dan Kerandanya. (Gambar 1.2 dan gambar 1.3).

Walau bagaimanapun, Muzium Islam ini mempunyai keunikan dan keistimewaannya tersendiri dari segi ciri-ciri reka bentuknya yang seakan bentuk masjid. Hal ini dapat dikatakan kerana, jika dilihat pada reka bentuk seni bina dan ukiran yang terdapat pada bangunan ini, terdapat banyak nilai keindahan yang dapat dihayati dengan perasaan yang kagum dan tenang. Reka bentuk bangunan warisan ini adalah dibina daripada kayu cengal yang berkualiti tinggi, manakala atap bangunan ini adalah menggunakan atap bata Singgora yang tersohor dengan kelebaran dan ketebalan yang kukuh. Bukan itu sahaja, bahagian ukiran di setiap sudut bangunan Muzium Islam ini juga dihiasi dengan berbagai-bagai jenis ukiran pada setiap pintu, tingkap dan ruang-ruang luaran dan dalaman muzium. Selain itu, ukiran seni reka dan khat tulisan daripada ayat-ayat suci al-Quran juga digubah dengan begitu cantik dan menarik pada sesetengah bahagian seni bina muzium tersebut. Demikian itu, pada bahagian daun tingkap muzium pula, terdapat seni reka yang berbentuk sisik angin

untuk mendapatkan ruang udara dari luar walaupun tingkap tertutup. Gambar 1.1 menunjukkan Bangunan Warisan Muzium Islam di Kota Bharu, Kelantan.



Gambar 1.1 : Bangunan Warisan Muzium Islam Kota Bharu, Kelantan.

( Sumber : Norsyazwani Din,2021 )



Gambar 1.2 : Ruangan pameran tingkat bawah Muzium Islam Kelantan.

( Sumber :Norsyazwani Din, 2021 )



Gambar 1.3 : Ruangan pameran tingkat atas Muzium Islam Kelantan.

( Sumber : Norsyazwani Din, 2021 )

### 1.3 Permasalahan Kajian

Dalam arus pembangunan kini, pemeliharaan warisan negara kurang dititikberatkan dalam kalangan generasi muda ini. Oleh itu, berdasarkan kajian penyelidikan ini, permasalahan kajian pertama yang diperolehi adalah masyarakat kini kurang mengambil tahu tentang kepentingan nilai warisan yang terdapat pada sebuah bangunan warisan. Menurut Ching (2013) sebanyak 40% bangunan warisan negara yang tidak dipelihara dengan baik dalam kalangan komuniti negara kita. Demikian itu, isu ini juga turut disokong oleh Mohd Isa (2011) dengan menyatakan bahawa bangunan warisan di seluruh negara Asia kurang dilindungi dengan baik. Kelemahan sokongan komuniti merupakan faktor utama berlakunya pengabaian terhadap bangunan warisan seperti yang disenaraikan dalam World Heritage Site in Danger, UNESCO, mengenai kronologi pembatalan status tapak warisan dunia akibat daripada faktor pengabaian tersebut (Mohd Isa, 2011).

Selain itu, masyarakat tempatan juga kurang jelas mengetahui tentang sejarah dan latar belakang penubuhan bangunan warisan tempatan oleh sebab kurangnya ilmu pengetahuan mengenai perkembangan sejarah bangunan warisan Muzium Islam ini. Isu ini sedikit sebanyak akan memberi impak negatif dalam pemeliharaan dan pemuliharaan bangunan warisan oleh kerana kurangnya pengetahuan masyarakat terhadap nilai warisan yang begitu berharga dan bersejarah ini. Menurut petikan akbar Berita Harian, (2020), pemuliharaan warisan negara kurang dijaga dan dihormati disebabkan oleh faktor masyarakat kini yang sangat terlatih, tetapi tidak terdidik berbanding dengan penjajah Inggeris suatu ketika dahulu yang sangat menjaga serta menghormati artifak dan tapak warisan yang membolehkan ianya kekal sehingga kini.

Seterusnya, kajian penyelidikan terhadap bangunan warisan tempatan juga tidak banyak dilakukan oleh kerana dianggap bangunan warisan kurang penting dan tidak mempengaruhi hidup bagi sesetengah masyarakat. Demikian itu, kajian penyelidikan yang

dilakukan terhadap bangunan warisan Muzium Islam ini sedikit sebanyak dapat menonjolkan nilai warisan yang terdapat pada bangunan warisan tempatan sekaligus dapat memelihara dan memulihara bangunan warisan di Malaysia. Sehubungan dengan itu, berdasarkan kaedah pencarian artikel yang dilakukan melalui internet, kajian penyelidikan terhadap bangunan warisan tempatan bukan sahaja kurang diperolehi malah kajian terbaru mengenai bangunan warisan tempatan juga tiada. Menurut petikan akbar Berita Harian (2020), terdapat banyak objek dan tapak warisan negara yang bernilai kebangsaan masih belum dikenali ramai dan terabai begitu sahaja disebabkan oleh kurangnya usaha mengenal pasti, menciri dan menilai dilakukan kerana keterbatasan sokongan dana dan pakar-pakar termasuk pakar dalam bidang penyelidikan.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

Persoalan kajian adalah merujuk kepada objektif yang telah ditetapkan oleh penyelidik. Antara persoalan kajian yang disenaraikan ialah:

- I. Apakah kesan pemeliharaan bangunan warisan Muzium Islam terhadap masyarakat sekitar?
- II. Apakah kerja-kerja konservasi yang dijalankan dalam mengekalkan nilai warisan yang terdapat pada bangunan Muzium Islam di Kota Bharu, Kelantan?
- III. Apakah keistimewaan dan keunikan seni bina bangunan warisan yang terdapat pada bangunan Muzium Islam di Kota Bharu, Kelantan?

### 1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian merupakan salah satu keperluan yang penting dalam kajian penyelidikan untuk memastikan kajian penyelidikan yang dilakukan dapat mencapai tujuan dan matlamat yang sebenar. Antara objektif yang ingin dirungkai dalam kajian ini adalah:


- I. Mengenalpasti kesan pemeliharaan bangunan warisan Muzium Islam terhadap masyarakat sekitar.
- II. Mengkaji kerja-kerja konservasi yang dijalankan dalam mengekalkan nilai warisan yang terdapat pada bangunan Muzium Islam di Kota Bharu, Kelantan
- III. Menghuraikan keistimewaan dan keunikan seni bina bangunan warisan yang terdapat pada Muzium Islam di Kota Bharu Kelantan.

### 1.6 Skop Kajian

Skop kajian merupakan sesuatu yang penting dalam sesebuah penyelidikan untuk meneliti skop yang khusus dalam menjalankan sesebuah kajian. Bagi merealisasikan permasalahan kajian terhadap bangunan warisan Muzium Islam ini, penyelidik membataskan skop kajian yang tertumpu kepada kerja-kerja konservasi yang dijalankan dalam mengekalkan nilai warisan yang terdapat pada bangunan Muzium Islam yang terletak di lokasi bandar Kota Bharu, Kelantan.(Gambar 1.4). Pemilihan kajian terhadap bangunan warisan ini adalah untuk meneliti kerja-kerja pemeliharaan yang dilakukan dalam mengekalkan nilai warisan bangunan Muzium Islam yang telah dibina pada abad ke-19 dari aspek reka bentuk bangunan warisan Muzium Islam Kelantan yang mempengaruhi unsur-unsur seni bina bangunan tradisi masyarakat Melayu Kelantan dan Pattani. Keunikan dan keistimewaan seni bina bangunan warisan ini perlulah dipelihara dan dijaga dengan baik agar nilai estetika yang terdapat pada bangunan ini dapat dipamerkan dan dihayati oleh generasi akan datang. Skop kajian adalah tertumpu kepada masyarakat di sekitar Kota

Bharu, Kelantan, Pihak Muzium Islam dan Pihak Muzium Negeri Kelantan yang bertanggungjawab dalam menguruskan kerja-kerja pemeliharaan Muzium Islam. Penyelidik juga memfokuskan kajian berdasarkan skop kajian:

- i. Skop kajian kesan pemeliharaan bangunan warisan Muzium Islam terhadap masyarakat sekitar.
- ii. Skop kajian mengenai kerja-kerja konservasi yang dijalankan dalam mengekalkan nilai warisan yang terdapat pada bangunan Muzium Islam di Kota Bharu, Kelantan.
- iii. Skop kajian mengenai keistimewaan dan keunikan seni bina bangunan warisan yang terdapat pada bangunan Muzium Islam di Kota Bharu, Kelantan.



Gambar 1.4 : Peta lokasi Muzium Islam Kota Bharu, Kelantan.

( Sumber : Laman Web Muzium Kelantan, 2019 )

## 1.7 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini adalah untuk mengetahui dan memberitahu masyarakat luar tentang kepentingan menjaga dan mengekalkan nilai estetika dan warisan pada sesebuah bangunan warisan negara iaitu bangunan Muzium Islam Kelantan. Hal ini demikian kerana, masyarakat kini kurang mengambil tahu tentang kepentingan memelihara dan memulihara bangunan dan tapak warisan negara. Kajian ini dilakukan untuk mengetahui, mempelajari serta menonjolkan keistimewaan dan keunikan yang terdapat pada setiap keindahan seni bina bangunan warisan Muzium Islam Kelantan. Kepentingan kajian penyelidikan ini dapat dilihat daripada beberapa aspek, antaranya:

### 1.7.1 Individu

Dari segi individu, kajian ini dapat merungkai asal usul dan sejarah berkaitan perkembangan seni bina bangunan warisan Muzium Islam melalui kerja-kerja konservasi yang dijalankan. Kajian penyelidikan ini dapat memberi kepentingan yang besar terhadap individu yang mempunyai minat dalam bidang konservasi bangunan warisan untuk mereka mencari informasi dan pengetahuan berkaitan kajian dengan lebih mendalam. Hal ini demikian kerana, kajian penyelidikan terhadap pemeliharaan bangunan warisan negara Asia kini kurang diperolehi daripada jurnal atau akbar-akbar terbaru. Sehubungan dengan itu, kepentingan kajian penyelidikan ini dapat melahirkan minat dalam diri seseorang individu atau penyelidik untuk menjaga dan menghormati tapak warisan negara agar ianya dapat diwarisi dan dijaga untuk menyambung legasi penyelidik bangunan warisan.

Selain itu, maklumat yang diperolehi dalam sesebuah kajian adalah diambil daripada sumber yang sah tanpa mengubah atau menambah sebarang fakta dan informasi mengenai kawasan tapak penyelidikan bangunan warisan tersebut. Oleh yang demikian,

kajian ini dapat dijadikan sebagai sumber bacaan dan pencarian kepada penyelidik yang akan datang untuk memberi ruang kepada mereka dalam membina legasi kajian penyelidikan berdasarkan skop kajian yang tepat dan sahih berlandaskan sorotan kajian pada masa kini.

### 1.7.2 Masyarakat

Kepentingan kajian ini juga turut memberi manfaat kepada sekumpulan masyarakat. Kajian ini dapat menonjolkan keunikan identiti seni bina dan keistimewaan pengaruh reka bentuk bangunan warisan Muzium Islam ini kepada masyarakat luar dan masyarakat tempatan. Demikian itu, kajian ini juga dapat memberi kesedaran kepada masyarakat bahawa pentingnya memelihara dan menghormati warisan bersejarah ini untuk membawa ke generasi yang akan datang agar budaya warisan negara dapat memberi manfaat dan kepentingan dalam kalangan mereka pada masa akan datang. Sehubungan dengan itu, pengaruh reka bentuk yang digunakan dalam pembinaan bangunan warisan Muzium Islam ini adalah menggunakan pengaruh seni bina Rumah Tradisi Masyarakat Melayu Kelantan dan Pattani. Bangunan Muzium Islam ini merupakan salah satu tapak warisan dan bangunan warisan bersejarah di Kelantan. Justeru itu, kajian penyelidikan ini sangat penting kepada masyarakat terutamanya masyarakat negeri Kelantan untuk mengetahui tentang kerja-kerja konservasi yang dijalankan dalam mengekalkan nilai warisan bangunan Muzium Islam Kelantan. Seterusnya, kajian penyelidikan terhadap bangunan warisan seperti ini sangat wajar dilakukan bagi memelihara dan memulihara tapak dan bangunan warisan negara dengan lebih baik supaya dapat membuka mata masyarakat untuk menjaga, menghormati dan mengekalkan warisan budaya negara daripada pupus ditelan zaman.

### 1.7.3 Institusi pendidikan

Kajian penyelidikan seperti ini juga dapat memberi kepentingan kepada institusi penyelidikan. Hal ini demikian kerana, projek penyelidikan juga merupakan salah satu tugas laporan seseorang pelajar yang perlu dilaksanakan untuk memenuhi syarat pengajian Ijazah Sarjana Muda. Kenyataaan ini dapat dikaitkan dengan institusi pendidikan Universiti Malaysia Kelantan yang mempunyai kursus dalam bidang Konservasi Warisan yang lebih menekankan tentang kajian pemeliharaan dan pemuliharaan terhadap bangunan warisan negara. Projek penyelidikan ini merupakan Laporan Projek Akhir pelajar-pelajar bidang Konservasi Warisan dalam Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan. Oleh itu, ilmu pengetahuan berkaitan kerja-kerja konservasi bangunan ini amat penting bagi pelajar-pelajar Konservasi Warisan kerana mereka merupakan legasi baru dalam penyelidikan bangunan yang bertanggungjawab untuk memelihara dan memulihara bangunan warisan, barang warisan, dan tapak warisan yang terdapat di negara kita.

Demikian itu, kajian penyelidikan yang dilakukan berkaitan dengan bangunan warisan ini sedikit sebanyak dapat dijadikan sebagai bahan bacaan atau rujukan yang sahih dan tepat kepada individu atau masyarakat untuk mereka mengetahui dan mendalami ilmu pengetahuan berkaitan bangunan warisan negara. Jika kajian penyelidikan ini berjaya membuka mata dan persepsi pelbagai pihak, institusi universiti tersebut juga turut mendapat nama sekaligus dapat menaikkan nama universiti ke peringkat yang lebih tinggi.

## 1.8 Struktur Laporan

Kajian ini menerangkan tentang kerja-kerja konservasi yang dijalankan dalam mengekalkan nilai warisan yang terdapat pada bangunan Muzium Islam di Kota Bharu, Kelantan.

**Bab 1.** Dalam bab 1, penyelidik menjelaskan tentang permasalahan kajian yang melibatkan masyarakat yang kurang mengambil tahu dan kurang jelas berkaitan bangunan warisan Muzium Islam, malahan kajian penyelidikan yang terbaru juga kurang dijalankan terhadap bangunan warisan tempatan pada era kini. Sehubungan dengan itu, bab 1 juga menerangkan tentang tujuan dan objektif kajian yang akan dijalankan dengan lebih terperinci. Objektif kajian penyelidikan ini adalah untuk mengenalpasti kesan pemeliharaan bangunan warisan Muzium Islam terhadap masyarakat sekitar, serta mengkaji kerja-kerja konservasi yang dijalankan dalam mengekalkan nilai warisan yang terdapat pada bangunan Muzium Islam Kelantan dan menghuraikan keistimewaan dan keunikan seni bina bangunan warisan yang terdapat pada bangunan Muzium Islam di Kota Bharu, Kelantan.

**Bab 2.** Dalam bab ini penyelidik menerangkan dengan lebih terperinci berkaitan dengan tajuk kajian yang dijalankan. Bab ini juga menjelaskan dengan lebih mendalam berkaitan dengan definisi istilah termasuklah definisi warisan, definisi bangunan warisan, definisi pemeliharaan, definisi seni bina dan definisi Muzium, termasuklah sejarah bangunan warisan Muzium Islam Kelantan, pendekatan konservasi dan kerangka teori. Penyelidik menggunakan Teori Estetika dalam kajian ini untuk dikaitkan dengan objektif kajian yang menekankan tentang keistimewaan dan keunikan seni bina bangunan warisan yang terdapat pada bangunan Muzium Islam di Kota Bharu Kelantan.

**Bab 3.** Dalam bab 3 ini penyelidik menerangkan tentang rekabentuk kajian. Penyelidik menggunakan kaedah kualitatif bagi menjawab persoalan kajian dan menyelesaikan objektif dan permasalahan kajian. Justeru itu, penyelidik menggunakan

kaedah pengumpulan data yang terdiri daripada data primer dan data sekunder. Sumber data primer adalah merujuk kepada kaedah pemerhatian, temubual dan kawasan kajian, manakala sumber data sekunder yang digunakan juga adalah yang diperolehi daripada sumber perpustakaan dan sumber internet. Selain itu, dalam bab ini juga menjelaskan tentang kaedah persampelan, instrumen kajian seperti kamera, perakam suara, perakam video dan catatan bertulis dan analisis data.

**Bab 4.** Bab ini menjelaskan tentang prosedur kajian yang dijalankan oleh penyelidik untuk mendapatkan data yang berkaitan dengan objektif. Berdasarkan hasil temubual bersama informan mengenai hasil kajian yang dilakukan di kawasan kajian. Kesemua objektif yang disenaraikan telah dijawab dengan baik oleh informan-informan di kawasan kajian. Analisis data yang dilakukan adalah untuk menerangkan dengan lebih mendalam mengenai kerja-kerja pemeliharaan yang dijalankan dalam mengekalkan nilai warisan yang terdapat pada bangunan Muzium Islam di Kota Bharu Kelantan. Data yang diperolehi daripada hasil temubual telah direkodkan dalam dapatan kajian bagi keseluruhan bab 4 ini.

**Bab 5.** Dalam bab ini penyelidik menerangkan tentang rumusan bagi kesemua data dapatan kajian yang telah mencapai objektif kajian dan persoalan kajian. Selain itu, dalam bab ini juga penyelidik mengemukakan cadangan penambahbaikan terhadap kajian penyelidikan yang dijalankan.

## BAB 2

### SOROTAN KAJIAN

#### 2.1 Pengenalan

Bab ini menerangkan tentang sorotan kajian lepas yang diperolehi daripada sumber maklumat dan ulasan kajian lepas yang dikaji oleh penyelidik terdahulu. Maklumat yang diambil adalah daripada penulisan ilmiah dan bahan rujukan daripada jurnal, buku, surat khabar dan laporan mengenai bangunan warisan khususnya berkaitan dengan pemeliharaan banguan dan keunikan seni bina bangunan warisan negara. Ulasan kajian lepas adalah sangat penting bagi sesebuah kajian penyelidikan kerana ianya dapat membantu penyelidik untuk mendapatkan sumber maklumat dan panduan sebagai bukti rujukan kajian dalam penyelidikan. Oleh itu, bahan bacaan dan rujukan yang diambil bagi membantu kajian ini adalah dari sumber Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan seperti buku, majalah dan tesis, serta dari sumber mediaelektronik seperti artikel, buku, jurnal dan suratan akhbar.

Di samping itu, dalam bab ini juga penyelidik menerangkan berkenaan kerja-kerja pemeliharaan yang dilakukan terhadap bangunan Muzium Islam Kelantan, definisi istilah termasuklah definisi bangunan warisan, definisi pemeliharaan, definisi seni bina dan definisi muzium, kajian lepas tentang keunikan seni bina, dan diakhiri dengan kesimpulan. Dalam bab ini penyelidik menggunakan teori estetika untuk dikaitkan dengan objektif kajian penyelidik.

## 2.2 Sejarah Bangunan Muzium Islam Kelantan

Muzium Islam Kelantan atau lebih dikenali sebagai Syura Hall atau Balai Syura merupakan sebuah bangunan muzium yang mempunyai ciri-ciri rekabentuk yang unik di Kota Bharu. Brown, G. (1985) mendefinisikan muzium sebagai sebuah bangunan yang memelihara objektif utama mereka yang menggambarkan fenomena alam dan aktiviti-aktiviti manusia bagi meningkatkan pengetahuan budaya dan kesedaran masyarakat. Muzium Islam ini terletak di sebuah bangunan kayu yang indah di pertengahan bandar Kota Bharu. Rumah kayu ini mula ditubuhkan pada tahun 1902 yang merupakan sebuah kediaman bagi Ketua Menteri Kelantan iaitu Encik Hassan bin Mohd Salleh pada tahun 1900 sehingga 1920. Namun, pada asalnya rumah ini merupakan sebuah rumah tradisional Melayu milik Menteri Besar Kelantan yang dikenali sebagai Nik Jusoh iaitu Dato Paduka Raja Kelantan pada zaman pemerintahan Sultan Mansur. Rumah tersebut dibina menggunakan jenis kayu tropika yang berkualiti tinggi iaitu kayu cengal yang bersesuaian dengan darjah kedudukannya yang tinggi. Reka bentuk seni bina bangunan ini adalah mempengaruhi gaya dan ciri-ciri bangunan model rumah Melayu Kelantan dan Pattani pada abad ke-19 sehingga abad ke-20. Justeru, berdasarkan pengertian seni bina, Lois Lamya al-Faruqi, 1984 menyatakan bahawa :

*“Definisi seni bina dapat dikategorikan kepada seni dan bina. Seni atau art berasal daripada perkataan Latin yang menekankan kepada kerja tangan atau ukiran terhadap sesebuah bangunan. Definisi ini merupakan maksud yang sangat luas yang digunakan pada abad pertengahan yang berkenaan dengan hasil kerja tangan atau aktiviti ukiran dan teknikal.”*

*(Lois Lamya al-Faruqi, 18983.)*

Setiap reka bentuk bangunan warisan ini dipenuhi dengan nilai estetika yang menarik dengan pelbagai jenis ukiran yang menghiasi setiap sudut bangunan tersebut. Jenis ukiran yang terdapat pada bangunan ini termasuklah ukiran seni reka dan khat yang memagar ayat-ayat suci al-Quran yang digubah dengan cantik dan menarik. Demikian itu, terdapat juga sebuah anjung pada bahagian hadapan bangunan ini yang berfungsi sebagai tempat untuk menyaksikan segala persembahan atau upacara yang kebiasaannya diadakan di Padang Merdeka yang berada di bahagian hadapan bangunan Muzium Islam ini. Justeru itu, pada tahun 1905, bangunan Muzium Islam ini telah dipilih untuk dijadikan sebagai tempat sambutan bagi lawatan Maharaja Siam yang dikenali sebagai Maharaja Chulalongkorn Rama V ke Kota Bharu. Pada tahun 1917 sehingga 1990, bangunan ini telah diiktirafkan sebagai Pejabat Majlis Agama Islam Kelantan dan Adat Istiadat Melayu Kelantan setelah Majlis Agama Islam Kelantan mula berpindah ke bangunan baru yang terletak di Jalan Sultan Yahya Petra Lundang. Selain itu, kerja-kerja mengubahsuai bangunan muzium ini untuk dijadikan sebagai Muzium Islam mula dilakukan pada awal tahun 1991 dengan penggunaan dana sebanyak RM218 000.00, justeru Muzium Islam tersebut telah siap sepenuhnya pada 11 November 1991 menjelang tarikh pengiktirafan bangunan tersebut sebagai Muzium Islam Kelantan.

Walau bagaimanapun, KDYMM Sultan Ismail Petra Ibni Almarhum Sultan Yahya Petra telah merasmikan Muzium Islam tersebut sebagai sebuah Galeri Muzium Islam pada 11 November 1991 sehingga kini. Penubuhan Muzium Islam pada tahun 1991 ini mula beroperasi di Bangunan Lama Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK). Pengiktirafan bangunan muzium sebagai sebuah Galeri Muzium Islam adalah bertujuan untuk menubuhkan sebuah institusi yang dapat mengumpul, memelihara, menyelidik dan memperkenalkan warisan sejarah sosial budaya masyarakat Islam di Kelantan. Menurut Jabatan Warisan Negara (2015), warisan merujuk kepada sesuatu barang yang diwarisi dari

masyarakat terdahulu yang merupakan khazanah negara yang pernah dimiliki atau sedang dimiliki oleh sekelompok masyarakat atau manusia sejagat yang merupakan tanggungjawab bersama untuk dilindungi dan dikenalkan. Warisan juga menggambarkan kenangan keseluruhan hidup manusia dan melambangkan ketamadunan sesuatu kelompok masyarakat. Hal ini demikian kerana, di dalam galeri ini terdapat pelbagai pameran koleksi yang dipamerkan antaranya ialah artifak, gambar-gambar, tokoh-tokoh agama Islam, rajah-raja berkenaan sejarah ketibaan Islam ke Kelantan-Nusantara, Majlis Agama Islam Kelantan, Jabatan Agama dan lain-lain koleksi Islam seluruh negara termasuklah pameran Replika Mumia Firaun dan Kerandanya.

### **2.3 Pendekatan Konservasi**

Pendekatan konservasi adalah satu kaedah pemeliharaan dan pemuliharaan sesuatu artifak, monumen, bangunan dan tapak warisan yang dilakukan secara tersusun bagi menghalang daripada kerosakan dan kemusnahan. Pendekatan konservasi ini perlu direalisasikan melalui kerja-kerja penyelidikan, pemuliharaan dan pemeliharaan artifak. A Ghafar Ahmad (2006:50) telah membahaskan pendekatan konservasi terhadap bangunan bersejarah dalam satu artikelnya yang berjudul Rangka Kerja Pemuliharaan Bangunan Bersejarah. Kaedah konservasi adalah melibatkan struktur, seni bina, fungsi, dan ketidak sempurnaan bangunan yang memerlukan proses pemuliharaan dan pemeliharaan yang menyeluruh dan sistematik. Kaedah ini seharusnya penting bagi mengekalkan keaslian dan keistimewaan sesebuah bangunan bersejarah. Justeru itu, kerja-kerja konservasi perlu disusun mengikut garis panduan yang telah ditetapkan iaitu meminimakan gangguan, menjalankan pendokumentasian pemuliharaan, menjalankan kajian saintifik, dan melaksanakan teknik yang betul.

Burra Charter (1977) telah mendefinisikan konservasi sebagai satu pengertian umum yang membawa maksud kepada proses yang melibatkan penjagaan sesuatu kawasan atau tempat untuk memelihara kepentingan budaya yang ada. Kaedah ini terdiri daripada perawatan berdasarkan proses pemulihan, pengekalan, pembaikan semula dan penyesuaiguna. Berdasarkan Burden (2004:62), istilah pemeliharaan bermaksud pengurusan monumen, bangunan dan tapak untuk menghalang daripada berlakunya pereputan, pengabaian dan kerosakan. Justeru, bagi melindungi sesebuah monumen, bangunan dan tapak bersejarah, proses penyelenggaraan juga perlu dilakukan pada kadar pembaikan kecil tanpa mengubah bentuk asal dan sejarah. Sehubungan dengan itu, usaha konservasi bangunan bersejarah perlu diberi penekanan yang utama dan perlindungan yang sewajarnya agar dapat membantu golongan profesional untuk mempelbagaikan tanggungjawab yang diberikan dalam usaha menyelesaikan masalah terhadap bidang kajian yang berkaitan.

Walau bagaimanapun, terdapat badan perundangan negara Malaysia yang telah dipertanggungjawabkan dalam menyokong usaha pemuliharaan dan pemeliharaan warisan, antaranya ialah Akta Benda Purba 1976 (Akta 168), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), dan Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 (Akta 172). Di Samping itu, terdapat juga enakmen-enakmen yang telah ditubuhkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Enakmen Kerajaan Tempatan, Kanun Tanah Negara, Perundangan Antarabangsa, Undang-undang Laut dan juga enakman terbaru iaitu Enakmen Melaka 1988.

Sehubungan dengan itu, pendekatan konservasi terhadap bangunan warisan Muzium Islam Kelantan seharusnya ditekankan dan perlu dijadikan sebagai agenda perancangan dan pembangunan negara dengan cara mengambil tahu tentang aspek persekitaran, seni bina, sejarah dan sosial kawasan terbabit agar bangunan bersejarah ini dapat dikonservasi dengan baik sehingga ke generasi yang akan datang. Walau

bagaimanapun, Jabatan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan sewajarnya menggunakan pendekatan konservasi dalam pemeliharaan bangunan warisan Muzium Islam Kota Bharu Kelantan ini supaya ianya dapat dilindungi dan dipelihara dengan baik sehingga kini. Menurut A.Ghafar Ahmad (2010), bangunan warisan dapat dijadikan sebagai satu bukti kepada sesuatu zaman atau peristiwa bersejarah. Ketika zaman penjajahan British, Portugis dan Belanda di Malaysia, terdapat banyak monumen dan bangunan bersejarah yang telah ditubuh di kawasan bandar-bandar utama untuk dijadikan sebagai tempat pentadbiran, pertahanan, kediaman, perniagaan dan pengangkutan. Sehubungan dengan itu, menurut Wendy Khadijah Moore (2004), bangunan warisan yang terdapat di Malaysia perlu dipulihara dengan baik kerana ianya mempunyai kepentingannya yang tersendiri. Demikian itu, perkembangan pemeliharaan seni bina bangunan warisan muzium ini menggunakan pendekatan konservasi terhadap artifak, bangunan dan tapak warisan Muzium Islam yang dilakukan secara tersusun untuk menghalang daripada kerosakan dan kemusnahan kepada bangunan. Pendekatan konservasi ini perlu direalisasikan melalui kerja-kerja penyelidikan, pemuliharaan dan pemeliharaan artifak.

#### **2.4 Kerangka Teori**

Kerangka teori adalah sesuatu perkara asas bagi sesuatu kajian yang diambil daripada pemerhatian dan pembacaan karya untuk menyokong kajian penyelidikan. Melalui kerangka teori ini, penyelidik dapat merungkai semua faktor-faktor yang penting dan berkaitan dengan objektif kajian yang dijalankan. Selain itu, berdasarkan kerangka teori ini juga penyelidik dapat mengintegrasikan faktor-faktor ini secara logik dan sahih untuk mendapat pengetahuan asas secara saintifik dalam melaksanakan kajian penyelidikan ini. Rangka teori berfungsi untuk menerangkan teori dengan lebih jelas tentang kewujudan

permasalahan kajian yang dikaji. Fain, 2004 dalam Green H, 2014 mendefiniskan kerangka teori sebagai:

*“ teori merupakan sekelompok interelasi yang mempunyai pelbagai konsep yang berorganisasi dan sistematik dan menerangkan secara khusus hubungan antara dua atau lebih variabel untuk meneliti latar belakang permasalahan. Manakala konsep pula adalah pernyataan simbolik yang menerangkan tentang suatu keadaan atau sub fenomena.”*

(Fain, 2004 dalam Green H, 2014)

#### 2.4.1 Teori Estetika

Estetika adalah salah satu bidang falsafah yang mengkaji tentang keindahan yang terdapat pada alam semulajadi serta telah diterjemahkan dalam bentuk karya sastera dan seni. Menurut Hasanah Hassan (2013), berdasarkan Teori-teori Seni menurut Ibnu Khaldun seni dapat didefinisikan sebagai suatu keindahan, kebenaran dan kebaikan yang mana di dalamnya terkandung ciri-ciri estetika, logika dan etika. Seni Estetika mempunyai unsur-unsur kecantikan, susunan yang kemas, komposisi yang menarik dan indah apabila sesuatu karya seni itu dihasilkan. Bagi Ibnu Khaldun juga kebenaran dalam kesenian mestilah berpaksikan Allah S.W.T iaitu seni yang mementingkan nilai-nilai akidah, akhlak dan syarak. Sebagai contoh seni Khat iaitu karya yang mempunyai nilai kebenaran pada keesaan Allah kerana Seni Khat Arab merupakan anugerah daripada Allah s.w.t kepada manusia. Di samping itu, menurut Othman Mohd Yatim (1989), keindahan didefinisikan sebagai kecantikan, kekemasan atau perihal yang menjelaskan tentang sesuatu yang indah. Perkataan indah membawa maksud sesuatu yang cantik, baik, kemas dan elok. Selain itu, seni khat juga mempunyai nilai keindahan yang mana seni merupakan sesuatu yang indah dan cantik. Secara umumnya, seni dapat ditafsirkan sebagai manifestasi daripada perasaan

dan pemikiran dalam pelbagai bentuk dan cara kerana seni boleh diwujudkan dalam bentuk sastera, seni bina, lagu, tulisan dan lain-lain.

Seterusnya, berdasarkan Model Persepsi estetika, terdapat tiga aspek utama iaitu perkara (*matter*), bentuk (*form*) dan pernyataan (*expression*). Kesemua aspek ini mempunyai satu kesatuan yang saling berkaitan antara satu sama lain dalam pembentukan karya seni. Ketiga-tiga unsur ini perlu dihayati dari satu kesatuan yang saling bekerjasama sehingga terbentuknya sebuah karya seni yang indah jika ingin dilihat secara estetika bagi memperoleh pengalaman. Berdasarkan kajian senibina atau arsitektur, nilai estetika dapat dilihat berdasarkan pada elemen dan prinsip-prinsip perancangan yang dapat dijelaskan secara logik. Elemen-elemen yang terdapat dalam Persepsi visual semuanya bergantung pada prinsip estetika dan emosional yang sangat penting. Tillman dan Cahn, 1969 ada menyatakan bahawa, teori estetika mempunyai pelbagai cabang antaranya ialah perumusan karya seni, kualiti dan nilai estetik, gaya dan bentuk, ekspresi dan emosi, lambang dan metafora, seni dan agama, arsitektur, seni lukis dan skulptur dan lain-lain.

Sehubungan dengan itu, berdasarkan kefahaman teori yang dipilih dan dikaji iaitu teori estetika, dapat dikaitkan dengan tajuk kajian penyelidik iaitu mengkaji perkembangan pemeliharaan seni bina bangunan warisan Muzium Islam di Kota Bharu Kelantan. Hal ini demikian kerana, teori estetika ini dapat dikaitkan dengan objektif kajian penyelidik yang kedua iaitu untuk menghuraikan keistimewaan dan keunikan seni bina bangunan warisan Muzium Islam di Kota Bharu Kelantan. Keistimewaan dan keunikan yang terdapat pada bangunan Muzium Islam Kelantan ini ialah reka bentuk bangunan muzium ini sangat unik kerana bangunan ini mempengaruhi bangunan rumah tradisi masyarakat Melayu Kelantan dan Pattani. Keunikan seni bina muzium ini dapat dikaitkan dengan cabang bahasan teori estetika berdasarkan “gaya dan bentuk” oleh kerana reka bentuknya yang menyerupai sebuah masjid dan mempengaruhi reka bentuk rumah tradisional masyarakat Melayu

Kelantan dan Pattani. Bukan itu sahaja, jenis bahan material yang digunakan terhadap seni bina bangunan muzium ini adalah diambil daripada jenis kayu tropika yang berkualiti tinggi iaitu kayu cengal yang bersesuaian dengan darjah kedudukan Menteri Besar Kelantan yang tinggi. Keunikan ini dapat dikaitkan dengan cabang bahasan teori estetika "kualiti dan nilai estetika". Selain itu, keistimewaan dan keunikan bangunan Muzium ini juga dapat dilihat daripada pelbagai jenis ukiran yang dihasilkan bagi menghiasi setiap sudut bangunan tradisional ini. Antara jenis ukiran yang terdapat pada bangunan warisan ini adalah ukiran jenis seni reka dan khat yang digubah cantik oleh masyarakat lampau untuk memagar ayat-ayat suci al-Quran agar kelihatan menarik dan estetik. Keunikan ukiran ini dapat dikaitkan dengan cabang bahasan teori estetika "seni, masyarakat dan moralitas". Hal ini demikian kerana, reka bentuk estetik yang dihasilkan ini adalah mempengaruhi idea, kemahiran dan kreativiti masyarakat lampau yang berseni. Karya seni reka dan khat yang dihasilkan oleh Tukang Ukir zaman lampau ini boleh dijadikan teladan dan ilmu pengetahuan yang baru agar ianya dapat diwarisi dengan baik untuk dihayati dan dipamerkan kepada generasi yang akan datang.

Secara ringkasnya, berdasarkan keistimewaan dan keunikan seni bina bangunan Muzium Islam Kelantan ini, ianya dapat dikaitkan dengan teori estetika yang dijelaskan oleh Tillman dan Chan, 1969 berkaitan dengan cabang-cabang bahasan dalam teori estetika. Cabang bahasan teori yang diambil dan dikaitkan dengan keistimewaan dan keunikan bangunan muzium ini telah membuktikan bahawa bangunan warisan Muzium Islam yang terletak di Kota Bharu Kelantan ini mempunyai pelbagai nilai keindahan atau estetika yang menarik dan cantik sekiranya ia dihayati dan difahami dengan jelas.

KELANTAN

## 2.5 Kesimpulan

Secara kesimpulannya, dalam bab ini penyelidik menerangkan dengan lebih terperinci berkaitan dengan tajuk kajian yang dijalankan. Segala maklumat dan informasi yang di ambil daripada kajian-kajian lepas dan kajian daripada ahli profesional, sedikit sebanyak telah membantu penyelidik untuk menjalankan kajian penyelidikan pada bangunan warisan Muzium Islam yang terletak di lokasi Kota Bharu Kelantan ini. Oleh itu, penulisan dalam bab ini telah memberi penjelasan dengan lebih mendalam berkaitan dengan definisi istilah termasuklah definisi warisan, definisi bangunan warisan, definisi pemeliharaan, definisi seni bina dan definisi Muzium, termasuklah sejarah bangunan warisan Muzium Islam Kelantan, pendekatan konservasi dan kerangka teori. Penyelidik menggunakan Teori Estetika dalam kajian ini untuk dikaitkan dengan objektif kajian yang menekankan tentang keistimewaan dan keunikan seni bina bangunan warisan yang terdapat pada bangunan Muzium Islam di Kota Bharu Kelantan.

## BAB 3

### KAJIAN METODOLOGI

#### 3.1 Pengenalan

Kajian metodologi merupakan satu kaedah yang paling sesuai dalam sesebuah penyelidikan untuk menjawab kesemua permasalahan kajian. Metodologi kajian adalah sangat penting bagi mengumpul dan menganalisis data supaya dapat memperolehi hasil kajian penyelidikan yang dijalankan. Selain itu, kajian metodologi juga penting dalam membantu penyelidik memahami dengan lebih terperinci dan lebih luas berkenaan dengan pengaplikasian kaedah dengan membuat huraian berkaitan proses kajian yang dilaksanakan. Menurut Azizi Yahya, 2007, metodologi mempunyai pengertian yang besar dan luas tentang teknik-teknik atau prosedur pengumpulan data untuk menjawab dan menyelesaikan kesemua persoalan kajian. Berdasarkan kajian ini, aspek-aspek metodologi kajian yang ditekankan ialah melalui reka bentuk kajian, pengumpulan data, persampelan, instrumen kajian dan analisis data. Penekanan yang dilakukan bagi kaedah metodologi ini adalah untuk mendapatkan bukti dan maklumat yang tepat serta bagi menjawab dan menyelesaikan permasalahan kajian penyelidik.

Dalam bab 3 ini, penyelidik akan menerangkan tentang kajian metodologi yang dijalankan dan proses kajian yang dilaksanakan bagi mencapai objektif sebenar kajian. Penggunaan kaedah metodologi ini untuk membantu penyelidik bagi mendapatkan data kajian dengan lebih sistematik dan teratur bagi mencapai matlamat dan objektif kajian. Dalam bab ini juga penyelidik menjelaskan secara khusus berkaitan rancangan penyelidikan yang telah diatur dengan metodologi yang sesuai bagi memperolehi maklumat dan data kajian yang tepat.

### 3.2 Rekabentuk Kajian

Rekabentuk kajian merupakan suatu pelan tinjauan atau rangka kajian yang menerangkan dengan lebih terperinci tentang bagaimana sesebuah penyelidikan itu dijalankan (Sabitha, 2006). Rekabentuk kajian adalah bertujuan untuk dijadikan sebagai panduan dalam membantu penyelidik untuk melaksanakan proses mengumpul data, menganalisis dan membuat pentafsiran hasil daripada kajian yang dijalankan. Selain itu, penyelidikan ini juga adalah penting untuk memastikan objektif kajian penyelidikan ini tercapai serta menjawab kesemua persoalan kajian.

Kajian yang dilakukan ini adalah bertujuan untuk mengkaji kerja-kerja konservasi yang dijalankan dalam mengekalkan nilai warisan bangunan Muzium Islam di Kota Bharu Kelantan. Penyelidik telah menggunakan rekabentuk kajian Kualitatif dalam kajian ini untuk mendapatkan maklumat dan data kajian. Menurut Mc Millan dan Schumacher (1984), rekabentuk kajian merujuk kepada proses pengendalian kajian yang dijalankan dan teknik atau prosedur apakah yang digunakan oleh penyelidik untuk menjawab persoalan kajian. Justeru itu, rekabentuk kajian yang dijalankan dalam penyelidikan ini adalah berperanan untuk dijadikan sebagai panduan penyelidikan dan mengawal daripada berlakunya punca-punca bias yang boleh menjelaskan dapatan kajian.

#### 3.2.1 Kaedah Kualitatif

Dalam penyelidikan ini, penyelidik telah menggunakan rekabentuk Kajian Kualitatif untuk mendapatkan data dan maklumat kajian. Kaedah Kualitataif merupakan sebuah penyelidikan yang memfokuskan penghasilan maksud bagi memahami fenomena sosial. Bagi pengumpulan data atau maklumat, penyelidikan kualitatif banyak menggunakan cara atau kaedah yang berinteraksi dengan subjek penyelidikan dan pendekatan induktif bagi menjana teori. Menurut Schostak, John F, (2002), kajian kualitatif adalah sebuah kajian

semulajadi yang tidak mengikut butiran statistik yang terperinci, serta dapatan kajian yang didapati juga tidak boleh disimpulkan berdasarkan fenomena. Namun, kajian kualitatif ini menyumbang sesuatu yang bermakna dan tidak boleh diukur kepada kajian berstatistik.

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan kajian kualitatif yang memfokuskan kerja-kerja pemerhatian, temu bual, rakaman suara, rakaman video dan kaedah tinjauan ke lokasi penyelidikan. Sehubungan dengan itu, berdasarkan data dan maklumat yang diperolehi daripada kajian kualitatif ini, kesemua maklumat tersebut akan dikumpul dan dianalisis bagi mencapai matlamat dan objektif kajian penyelidik.

#### i. Kajian Kes

Penyelidik telah memilih kaedah penyelidikan kualitatif bersetujuan dengan topik penyelidikan yang dijalankan iaitu kajian mengenai kerja-kerja konservasi yang dijalankan dalam mengekalkan nilai warisan yang terdapat pada bangunan Muzium Islam Kelantan. Pemilihan rekabentuk kajian ini adalah untuk mengkaji kerja-kerja konservasi yang dilakukan dalam mengekalkan nilai warisan bangunan Muzium Islam di Kota Bharu, Kelantan. Selain itu, melalui kaedah kualitatif ini juga dapat membantu penyelidik untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan keistimewaan dan keunikan seni bina bangunan warisan Muzium Islam ini. Justeru itu, penyelidik memerlukan data daripada masyarakat berkaitan dengan kesan pemeliharaan bangunan warisan terhadap masyarakat sekitar melalui temubual bersama 6 orang informan di sekitar kawasan Muzium Islam bagi mendapatkan jawapan daripada persoalan kajian yang telah ditimbulkan. Demikian itu, bagi membantu penyelidik mendapatkan maklumat berkaitan kerja-kerja konservasi yang dijalankan dalam mengekalkan nilai warisan Muzium Islam serta keistimewaan dan keunikan seni bina bangunan warisan Muzium Islam Kelantan, penyelidik perlu bersemuka


dengan 4 orang informen yang sudah dipilih yang merupakan persampelan fokus kumpulan untuk mendapatkan maklumat menggunakan kaedah temu bual.

Di samping itu, penyelidik juga menggunakan kaedah pemerhatian dan kaedah analisis data bagi mendapatkan maklumat tambahan bagi menjawab soalan-soalan kajian. Penyelidik akan melakukan kaedah tinjauan ke kawasan kajian untuk membuat pemerhatian dan mendapatkan data melalui pengambilan gambar, rakaman suara, video dan catatan sebagai rujukan bertulis. Kesemua data dan maklumat yang diperolehi daripada kaedah ini akan dianalisis untuk memastikan informasi yang diperolehi adalah tepat dan sahih.

### **3.3 Pengumpulan Data**

Pengumpulan data merupakan kerja-kerja mengumpul dan mengukur maklumat di kawasan kajian untuk menjawab persoalan kajian dengan teliti. Dalam bahagian ini, penyelidik akan menerangkan tentang cara pengumpulan data yang dijalankan menggunakan kaedah Pengumpulan Data Kualitatif dengan lebih terperinci dan teliti. Menurut Taylor dan Bogdan (1984), data kualitatif adalah berbentuk deskriptif, kata-kata lisan atau tulisan berkenaan dengan tindakan manusia yang dapat diperhatikan. Sehubungan dengan itu, penyelidik menggunakan kaedah pengumpulan data kualitatif yang memfokuskan kaedah temubual, pemerhatian dan analisis data. Penyelidik juga menyediakan nota lapangan dan diari penyelidik di kawasan lapangan sebagai penyokong utama bagi mengesahkan kerja-kerja lapangan yang dilakukan dalam kajian kualitatif ini. Nota lapangan atau diari penyelidik juga merupakan salah satu kaedah yang penting bagi memperolehi data tambahan untuk menyokong kajian kualitatif dalam penyelidikan ini.

Rajah 3.1 di bawah menunjukkan tentang proses pengumpulan data yang dijalankan oleh penyelidik sepanjang kajian penyelidikan dilakukan. Penyelidik menggunakan kaedah pengumpulan data secara data primer dan data sekunder bagi mendapatkan data dan maklumat berkaitan dengan kajian penyelidikan yang dilaksanakan oleh penyelidik di kawasan kajian.



Rajah 3.1: Kaedah Kualitatif yang digunakan oleh penyelidik.

(Sumber: Norsyazwani Din, 2021)

### 3.3.1 Data Primer

Data primer adalah sebuah sumber data pertama yang diperolehi secara langsung dari pihak pertama subjek penelitian atau informan di kawasan kajian. Data primer merupakan data utama yang diperoleh oleh penyelidik yang masih belum diolah lagi. Pengumpulan data primer dilakukan dengan kaedah temubual, pemerhatian dan tinjauan ke kawasan kajian. Menurut Hasan (2002: 82), data primer merupakan data yang diperolehi dan dikumpul secara langsung oleh penyelidik di kawasan kajian melalui kaedah pemerhatian atau pengamatan secara langsung dan kaedah temubual dengan subjek penelitian atau informan di kawasan kajian. Oleh itu penyelidik telah menggunakan kaedah pengumpulan data primer dalam penyelidikan ini untuk mendapatkan maklumat yang sahif seterusnya bagi menjawab persoalan dan objektif kajian penyelidik.

#### i) Pemerhatian

Kaedah pemerhatian merupakan satu alternatif yang turut tersenarai dalam kaedah pengumpulan data selain daripada kaedah temu bual dan soal selidik. Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan, penyelidik dapat memperolehi maklumat yang sahif dan pengesahan berkaitan keistimewaan dan keunikan seni bina bangunan warisan yang terdapat pada Muzium Islam Kelantan. Tujuan pemerhatian ini dilakukan adalah untuk memudahkan penyelidik melihat, mendengar dan memerhati kawasan kajian bagi mengetahui segala maklumat berkaitan kerja-kerja konservasi yang dijalankan dalam mengekalkan nilai warisan yang terdapat pada bangunan Muzium Islam Kelantan. Berdasarkan kaedah pemerhatian ini juga, penyelidik dapat mengenalpasti keistimewaan dan keunikan seni bina bangunan warisan yang terdapat pada Muzium Islam di Kota Bharu Kelantan.

## ii) Lokasi Kajian

Penyelidik telah memilih lokasi kajian di Muzium Islam di Kota Bharu Kelantan berdasarkan subjek kajian penyelidik iaitu kerja-kerja konservasi yang dijalankan dalam mengekalkan nilai warisan yang terdapat pada bangunan Muzium Islam Kelantan. Kajian ini memerlukan penyelidik untuk meninjau ke kawasan kajian bagi mendapatkan maklumat berkaitan kerja-kerja konservasi yang dijalankan terhadap bangunan Muzium Islam Kelantan dan bagi menjawab persoalan serta objektif kajian.

## iii) Temubual

Kaedah temubual ini dijalankan di kawasan kajian untuk mendapatkan maklumat mengenai kerja-kerja konservasi yang dijalankan terhadap bangunan Muzium Islam dalam mengekalkan nilai warisan dengan lebih terperinci dan sahih. Temubual ini dilakukan secara langsung oleh penyelidik terhadap seorang pekerja Muzium Negeri Kelantan dan tiga orang pekerja Muzium Islam Kelantan untuk mendapatkan informasi dan maklumat berkaitan kerja-kerja konservasi yang dijalankan dalam mengekalkan nilai warisan bangunan muzium tersebut. Selain itu, melalui kaedah temu bual bersama informan ini juga, penyelidik dapat memperolehi data dan maklumat berkaitan keistimewaan dan keunikan seni bina yang terdapat pada bangunan warisan Muzium Islam ini.

Di samping itu, penyelidik juga akan melakukan temu bual bersama enam orang informan yang tinggal di sekitar kawasan Muzium Islam Kelantan atau penduduk di sekitar Kota Bharu yang pernah mengunjungi Muzium Islam tersebut untuk mendapatkan data berkaitan kesan pemeliharaan seni bina bangunan warisan Muzium Islam di Kota Bharu Kelantan terhadap masyarakat sekitar. Temu bual yang dilakukan ini adalah bersifat luas dan terbuka mengikut pengetahuan informan. Berdasarkan kaedah temu bual ini, penyelidik

dapat memperolehi kefahaman yang meluas dan sempurna untuk mendalami topik kajian penyelidik.

Penyelidik juga menekankan proses temubual berdasarkan rangka temu bual yang dinyatakan seperti Jadual 3.1 berikut:

Jadual 3.1 : Jadual kaedah temubual yang dijalankan

No.	Objektif	Kaedah Kajian
Objektif 1	i) Mengenalpasti kesan pemeliharaan seni bina bangunan warisan Muzium Islam di Kota Bharu, Kelantan terhadap masyarakat sekitar.	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Kajian Perpustakaan</li> <li>➤ Pemerhatian</li> <li>➤ Kerja Lapangan</li> <li>➤ Temubual ( 6 orang masyarakat sekitar Muzium Islam yang pernah mengunjungi Muzium Islam tersebut ) – ingin mengetahui secara ‘in-depth’ berkenaan dengan kesan pemeliharaan seni bina bangunan warisan Muzium Islam terhadap masyarakat.</li> </ul>
Objektif 2	ii) Mengkaji kerja-kerja konservasi yang dijalankan dalam mengekalkan nilai warisan yang terdapat pada bangunan Muzium Islam Kelantan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Pemerhatian</li> <li>➤ Kerja Lapangan</li> <li>➤ Temubual bersama 4 informan – ( 3 orang Pihak Muzium Islam dan 1 orang Pihak Muzium Negeri)</li> </ul>

Objektif 3	iii) Menghuraikan keistimewaan dan keunikan seni bina bangunan warisan Muzium Islam di Kota Bharu Kelantan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Kerja Lapangan</li> <li>● Temubual – ( 4 orang Pihak Industri yang berkaitan dengan Pemeliharaan Muzium Islam dan 6 orang masyarakat sekitar Muzium Islam)</li> </ul>
------------	---	--

### 3.3.2 Data Sekunder

Data sekunder merujuk kepada data yang dikumpul oleh penyelidik lain selain penyelidik. Contoh sumber data sekunder adalah ke biasaanya merujuk kepada bancian sains sosial, maklumat daripada jabatan kerajaan, rekod organisasi, data dari sumber perpustakaan dan sumber carian internet. Analisis data sekunder lebih mudah dan menjimatkan masa berbanding dengan pengumpulan data kuantitatif dan data-data primer. Namun, berdasarkan analisis berkenaan dengan bangunan warisan ini, pangkalan data sekunder amat penting dalam sesbuah penyelidikan kerana ianya mustahil bagi penyelidik untuk melakukan tinjauan baru yang dapat mengumpul dan menangkap data mengenai kerja-kerja konservasi yang dijalankan dalam mengekalkan nilai warisan yang terdapat pada Muzium Islam Kelantan dengan secukupnya.

Oleh itu, dalam penyelidikan ini, penyelidik juga memperolehi data daripada sumber data sekunder bagi membantu penyelidik mendapatkan data tambahan untuk menyelesaikan semua objektif kajian seterusnya menjawab persoalan kajian penyelidik. Penyelidik telah menggunakan pangkalan data sekunder yang diperolehi daripada sumber data perpustakaan dan sumber carian internet.

#### i) Sumber Perpustakaan

Penyelidik menggunakan pangkalan data dari sumber perpustakaan bagi penyelidikan ini. Rujukan daripada perpustakaan adalah penting bagi sesebuah penyelidikan kerana ianya dapat membantu penyelidik merungkai dan mengumpul beberapa maklumat berkaitan kerja-kerja konservasi yang dijalankan dalam mengekalkan nilai warisan yang terdapat pada Muzium Islam Kelantan. Penyelidik menggunakan bahan rujukan seperti buku-buku ilmiah, tesis dan jurnal artikel dan kajian Periodical yang diperolehi daripada Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan. Antara sumber rujukan yang didapati daripada sumber perpustakaan adalah tesis Pitis Timah Kelantan : Satu Kajian Estetik dan Kaedah Pembersihan Oleh Razin Norman (2017) dan tesis Pandangan Organisasi Warisan Budaya Terhadap Rekabentuk Rumah Tradisional di Alor Setar, Kedah Oleh Hafisyahrom Abd Halim (2018).


#### ii) Sumber Internet

Selain itu, penyelidik juga menggunakan sumber internet bagi memperolehi maklumat tentang kajian penyelidikan yang dijalankan kerana rujukan yang diperolehi daripada sumber internet lebih mudah digunakan untuk membuat sebarang rujukan bahan

dalam kajian. Penyelidik menggunakan bahan rujukan internet iaitu kajian secara talian seperti Laman Sesawang Rasmi Jabatan Muzium Negeri Kelantan, Laman Sesawang Rasmi Muzium Kelantan, Laman Sesawang Jabatan Warisan Negara dan bahan rujukan internet lain seperti Jurnal Online dan Artikel Online.

### 3.3.3 Proses Kajian

Penyelidik mengumpul data kajian menggunakan kaedah kualitatif yang mana memfokuskan kepada kajian kes berkaitan kerja-kerja konservasi yang dijalankan dalam mengekalkan nilai warisan yang terdapat pada bangunan warisan Muzium Islam. Kaedah yang dijalankan adalah melalui kaedah pemerhatian di kawasan kajian, kerja lapangan dan kaedah temubual bersama informan-informan di kawasan kajian. Demikian itu, bagi kaedah persampelan pula penyelidik menggunakan persampelan yang melibatkan populasi penduduk sekitar Muzium Islam di Kota Bharu Kelantan dan kumpulan berfokus yang melibatkan Pihak Muzium Negeri Kelantan dan Pihak Muzium Islam Kelantan. Penyelidik juga menggunakan kaedah instrumen kajian seperti kamera, perakam video, perakam suara dan cacatan bertulis. Rajah 3.2 menunjukkan carta alir bagi proses kajian yang dijalankan oleh penyelidik bagi mengumpul dan menganalisis data kajian.



Rajah 3.2 : Carta alir bagi proses kajian Muzium Islam Kelantan  
(Sumber : Norsyazwani Din, 2021)

### 3.4 Persampelan

Persampelan merupakan satu proses pemilihan elemen-elemen dalam populasi kajian bagi tujuan untuk mendapatkan populasi sesebuah kajian. Menurut Karsam (2005), persampelan merupakan kaedah yang meliputi sejumlah kecil daripada keseluruhan populasi yang dikaji dan dipilih untuk membantu penyelidik membuat generalisasi mengenai populasi. Kaedah persampelan digunakan adalah untuk memperolehi satu sampel yang mempunyai ciri-ciri umum populasi. Penyelidik menjadikan informan masyarakat dan pengurus muzium yang merupakan kumpulan berfokus sebagai sampel dalam kaedah persampelan ini bagi menjawab objektif kajian berkaitan kesan pemeliharaan seni bina bangunan warisan Muzium Islam Kelantan terhadap masyarakat setempat, keistimewaan dan keunikan seni bina bangunan warisan dan kerja-kerja konservasi yang dijalankan dalam mengekalkan nilai warisan yang terdapat pada Muzium Islam Kelantan.

Walau bagaimanapun, jika dilihat dari segi populasi yang dikaji oleh penyelidik, populasinya adalah terlalu besar iaitu melibatkan masyarakat sekitar Muzium Islam atau pengunjung muzium, namun berdasarkan kaedah persampelan yang dijalankan oleh penyelidik, tidak semua populasi yang diambil sebagai bahan kajian kerana ianya hanya melibatkan informan tertentu sahaja yang dipilih sebagai sampel kajian.

#### i) Populasi

Populasi terdiri daripada nombor, bilangan, manusia, komuniti dan lain-lain. Penyelidik memilih populasi yang terdiri daripada pengunjung muzium atau penduduk sekitar Muzium Islam Kota Bharu yang pernah mengunjungi Muzium Islam tersebut, Pihak Muzium Islam dan Pihak Muzium Negeri Kelantan yang terlibat dengan pemeliharaan bangunan warisan Muzium Islam Kelantan.

## ii) Kumpulan Fokus

Dalam kajian ini, penyelidik menfokuskan sepuluh orang informan untuk di temu bual bagi mendapatkan data dan maklumat kajian berkaitan kerja-kerja konservasi yang dijalankan dalam mengekalkan nilai warisan yang terdapat pada Muzium Islam Kelantan bagi menjawab kesemua objektif dan persoalan kajian. Penyelidik menggunakan kumpulan fokus untuk dijadikan sampel kajian. Sepuluh orang yang merupakan kumpulan fokus yang dipilih ini adalah terdiri daripada 3 orang Pihak Muzium Islam, seorang Pihak Muzium Negeri Kelantan yang terlibat dengan pemeliharaan seni bina Muzium Islam. Manakala enam orang informan lain yang dipilih di sekitar Muzium Islam Kelantan yang pernah mengunjungi Muzium Islam tersebut. Penyelidik hanya memilih enam orang informan yang merupakan masyarakat sekitar Muzium Islam Kota Kelantan kerana penyelidik ingin mengetahui secara mendalam berkenaan persepsi masyarakat terhadap kesan pemeliharaan seni bina bangunan warisan Muzium Islam Kota Bharu Kelantan. 6 orang infroman yang dipilih ini adalah terdiri daripada masyarakat yang berumur 21 tahun sehingga 60 tahun yang pernah mengunjungi Muzium Islam tersebut. Temu bual yang dilakukan ini adalah bersifat luas dan terbuka mengikut pengetahuan responden

## 3.5 Instrumen Kajian

Instrumen adalah salah satu peralatan keperluan bagi membantu penyelidik menjalankan kajian penyelidikan di kawasan lapangan. Instrumen merupakan alatan yang digunakan untuk melakukan beberapa jenis aktiviti seperti aktiviti-aktiviti manual. Peralatan bagi instrumen ini terdiri daripada catatan bertulis dan alatan digital yang digunakan semasa menjalankan kaedah temu bual, tinjauan, pemerhatian dan lain-lain. Penggunaan peralatan instrumen ini adalah berfungsi sebagai catatan dan alat untuk merakam suara, merakam video, pengambilan gambar bagi menyimpan bukti dan rekod maklumat kajian yang

diperlukan. Penyelidik menggunakan peralatan seperti kamera, perakam suara, perakam video dan buku catatan.

#### i) Kamera

Penyelidik menggunakan kamera untuk mengambil gambar di kawasan kajian sebagai bukti kajian penyelidikan dijalankan. Demikian itu, penyelidik juga menggunakan kamera untuk mengambil gambar-gambar pada setiap sudut reka bentuk dan seni bina bangunan warisan Muzium Islam Kelantan sepanjang kajian penyelidikan ini dijalankan. Selain itu, pengambilan gambar juga dilakukan sepanjang penyelidikan dilakukan termasuklah semasa kaedah pemerhatian dilakukan, kaedah tinjauan dan kaedah temu bual bersama informan yang terpilih.

#### ii) Perakam Suara

Peralatan perakam suara juga turut digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini. Alat perakam suara ini digunakan untuk merakam perbicaraan, perbualan dan segala informasi yang dinyatakan oleh informan bagi mendapatkan isi dan maklumat-maklumat penting. Penggunaan perakam suara ini adalah penting untuk penyelidik supaya segala informasi dan maklumat yang dinyatakan oleh informan tidak ketinggalan semasa melakukan catatan bertulis. Melalui perakam suara ini penyelidik dapat memahami dan mendengar setiap ayat yang dibicarakan dengan lebih jelas dan secara berulang kali.

### iii) Perakam Video

Penyelidik juga menggunakan rakaman video untuk merekod setiap tingkah laku dan tindakan yang dilakukan oleh informan semasa melakukan tembusan. Tujuan rakaman video ini untuk membantu penyelidik memperolehi maklumat dengan jelas dan tepat. Penyelidik juga menggunakan rakaman video ini untuk merekod kerja-kerja pemeliharaan yang dilakukan oleh pihak muzium dalam menjaga pemeliharaan seni bina bangunan warisan Muzium Islam ini. Penyelidik juga dapat merekod setiap sudut keunikan dan keistimewaan seni bina bangunan warisan ini.

### iv) Catatan

Kaedah catatan bertulis juga perlu digunakan oleh penyelidik bagi mencatat segala informasi dan maklumat yang diperolehi daripada kaedah pemerhatian dan temu bual bersama informan. Catatan bertulis adalah penting dalam instrumen kajian ini bagi mendapatkan maklumat dari informan secara langsung. Melalui catatan ini penyelidik dapat memahami dengan lebih jelas berkaitan maklumat dan segala informasi yang dinyatakan oleh informan.

### 3.6 Analisis Data

Analisis data dilakukan oleh penyelidik selepas kesemua data dan maklumat diperolehi dan dikumpul dalam penyelidikan yang dijalankan melalui kaedah kualitatif. Segala maklumat dan data yang diperolehi daripada kaedah tinjauan, pemerhatian dan temubual bersama informan berkaitan kerja-kerja konservasi yang dijalankan dalam mengekalkan nilai warisan yang terdapat pada Muzium Islam Kelantan akan dikumpul dan dianalisis secara deskriptif dan tematik untuk mendapatkan maklumat dengan lebih terperinci yang bersesuaian dengan objektif kajian yang dilakukan dalam kajian ini. Analisis kajian secara deskriptif dan tematik ini bertujuan untuk memberi gambaran atau deskripsi tentang sesuatu data dengan lebih mendalam seperti menganalisis jumlah kunjungan, jumlah sampel data, rentang idea, nilai tertinggi dan terendah data, rata-rata dan jumlah nilai data. Analisis data secara deskriptif ini merujuk kepada membuat kesimpulan mengenai data dan maklumat yang diperolehi, meringkaskan maklumat daripada data yang dikumpul dan mempersempahkan maklumat yang diperolehi dan dikumpul daripada sampel dalam bentuk yang menarik.

### 3.7 Kesimpulan

Secara kesimpulannya, berdasarkan kajian metodologi dalam bab ini, penyelidik menerangkan tentang rekabentuk penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini. Penyelidik menggunakan kaedah kualitatif bagi menjawab persoalan kajian dan menyelesaikan objektif dan permasalahan kajian. Justeru itu, dalam penyelidikan ini, penyelidik menggunakan kaedah pengumpulan data yang terdiri daripada data primer dan data sekunder. Sumber data primer adalah merujuk kepada kaedah pemerhatian, temubual dan kawasan kajian, manakala sumber data sekunder yang digunakan juga adalah yang diperolehi daripada sumber perpustakaan dan sumber internet. Selain itu, dalam bab ini juga menjelaskan tentang kaedah persampelan yang digunakan oleh penyelidik yang memfokuskan populasi masyarakat sekitar Muzium Islam Kota Bharu dan kumpulan fokus tertentu bagi memperolehi data dan maklumat berkaitan kerja-kerja konservasi yang dijalankan dalam mengekalkan nilai warisan yang terdapat pada Muzium Islam Kelantan. Seterusnya, bagi membantu kajian ini, penyelidik juga menggunakan instrumen seperti kamera, perakam suara, perakam video dan catatan bertulis bagi mendapatkan data dan maklumat dengan jelas dan tepat. Bab ini diakhiri dengan analisis data yang mana data-data yang diperolehi akan dianalisis secara deskriptif dan dengan lebih mendalam yang bersesuaian dengan objektif kajian penyelidik.

## BAB 4

### DAPATAN KAJIAN

#### 4.1 Pengenalan

Berdasarkan bab 4 ini, iaitu dapatan kajian menjelaskan dengan lebih terperinci tentang kajian yang dijalankan. Bab ini mempunyai keseluruhan data atau dapatan kajian yang dijalankan di kawasan kajian Mmenggunakan kaedah kajian yang digariskan di dalam bab 3 iaitu bab Metodologi Kajian. Pengkaji menggunakan kaedah temubual dan pemerhatian untuk mendapatkan data bagi kajian penyelidikan ini. Hasil temubual yang dijalankan terhadap informan di kawasan kajian telah direkodkan sebagai data kajian bagi melengkapkan dapatan kajian ini. Data kajian diperolehi daripada 7 orang informan di kawasan kajian.

#### 4.2 Demografi Informan

Kajian ini telah dijalankan terhadap 10 orang informan yang mana ianya terdiri daripada 4 orang informan iaitu Penolong Kurator Muzium, Penyelia Muzium Islam dan 2 orang Pembantu Muzium Islam, manakala 6 orang informan diambil daripada masyarakat sekitar muzium yang pernah mengunjungi Muzium Islam Kelantan bagi membantu mendapatkan data kajian dengan lebih terperinci. Maklumat informan diperolehi daripada hasil temubual yang dijalankan di kawasan kajian iaitu Muzium Islam Kota Bharu Kelantan dan di sekitar Muzium Islam iaitu di Restoran Nasi Ulam Cikgu yang berhampiran dengan Muzium Islam Kelantan. Demografi informan terdiri daripada nama, umur, jantina, bangsa, organisasi dan jawatan telah direkodkan terhadap ketujuh-tujuh orang responden. Jadual 4.1 menunjukkan senarai informan kajian yang terdiri daripada pelbagai latar belakang :

Jadual 4.1 : Senarai Informan kajian yang terdiri daripada pelbagai latar belakang

Bil	Nama	Umur	Organisasi	Pekerjaan/Jawatan
1	Informan 1	31	Muzium Negeri	Penolong Kurator Muzium
2	Informan 2	39	Muzium Islam	Penyelia Muzium Islam
3	Informan 3	53	Muzium Islam	Pembantu Awam Muzium Islam
4	Informan 4	27	Muzium Islam	Pembantu Awam Muzium Islam
5	Informan 5	59	Pengunjung Muzium	Pemandu USM
6	Informan 6	36	Masyarakat Sekitar	Guru SMK
7	Informan 7	23	Masyarakat Sekitar	Pelajar UPSI
8	Informan 8	54	Masyarakat Sekitar	Suri rumah
9	Informan 9	23	Masyarakat Sekitar	Pelajar USAS
10	Informan 10	23	Masyarakat Sekitar	Pelajar PICOMS

#### 4.3 Kesan Pemeliharaan Bangunan Muzium Islam Terhadap Masyarakat Sekitar

##### 4.3.1 Kesan dari segi emosi

Pemeliharaan bangunan Muzium Islam di Kota Bharu Kelantan telah memberi kesan yang mendalam terhadap masyarakat sekitar Muzium Islam. Hal ini demikian kerana, pembaikpulih bangunan bersejarah ini adalah penting dalam menjaga nilai sejarah dan seni bina bangunan Melayu lama supaya ianya dapat dikenang serta dihayati oleh generasi yang

akan datang. Kenangan peristiwa lampau dapat menanamkan rasa cinta masyarakat kepada negara dan dapat menjadikan peristiwa tersebut sebagai panduan pada masa yang akan datang. ( Zulhilmi & Rohani, 2003). Oleh itu, pemeliharaan terhadap bangunan bersejarah iaitu Muzium Islam ini sedikit sebanyak telah memberi kesan yang positif dari segi emosi kepada masyarakat sekitar Muzium Islam di Kota Bharu Kelantan. Kenyataan ini telah dianalisis berdasarkan data temubual yang dilakukan terhadap beberapa informan yang direkodkan di kawasan kajian iaitu di sekitar Muzium Islam Kelantan.

Berdasarkan kaedah temubual yang dijalankan, beberapa orang informan menyatakan bahawa :

*“Muzium Islam adalah salah satu bangunan bersejarah negeri Kelantan yang harus dijaga dan diingati kerana merupakan bekas pejabat lama Majlis Agama dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Bangunan ini mempunyai ciri-ciri reka bentuk yang unik serta merupakan rumah kediaman bekas Menteri Besar Kelantan iaitu Encik Hassan bin Mohd Salleh pada tahun 1990 sehingga 1920”*

(Informan 3, 2021)

*“bangunan warisan Muzium Islam ini harus dipelihara kerana masyarakat boleh melihat dan mengenangkan reka bentuk Rumah Melayu Kelantan pada awal abad ke-19 yang mana orang terdahulu membina bangunan warisan ini menggunakan tenaga kerja manusia sepenuhnya dan ukiran tangan tradisional pada masa itu”*

(Informan 5, 2021)

*"pemeliharaan terhadap Muzium Islam perlu dilakukan agar segala khazanah-khazanah pada masa dulu dapat disimpan dengan baik dan dengan adanya Muzium Islam, remaja-remaja serta rakyat-rakyat dapat melihat serta mengetahui tentang sejarah sosial budaya masyarakat Islam"*

(Informan 7, 2021)

Secara umumnya, berdasarkan data temubual yang diperolehi, dapat dilihat bahawa pemeliharaan yang dilakukan terhadap bangunan Muzium Islam ini telah memberi kesan yang baik dari segi emosi masyarakat setempat. Hal ini demikian kerana, penerimaan masyarakat terhadap perlindungan bangunan bersejarah Muzium Islam ini telah menimbulkan rasa suka, gembira dan minat terhadap masyarakat untuk mereka mengenangkan peristiwa masa lalu dan sejarah reka bentuk seni bina bangunan yang terdapat pada Muzium Islam Kelantan. Perasaan suka dan gembira dapat dilihat melalui sikap prihatin masyarakat dalam menghayati dan meneliti nilai sejarah yang terdapat pada bangunan Muzium Islam ini. Menurut informan masyarakat sekitar, khazanah-khazanah yang disimpan, dilindungi dan dipamerkan di dalam Muzium Islam ini dapat menjadi bukti kepada peristiwa masa lampau. Oleh itu, sangat wajar untuk kita menjaga dan melindungi Muzium Islam ini agar segala koleksi-koleksi zaman dahulu dan sejarah sosial budaya masyarakat Islam dapat dilihat dan dikenang oleh masyarakat kini dan akan datang.

#### 4.3.2 Kesan dari segi keindahan

Seterusnya, dari segi keindahan pula, proses penambahaikan yang dijalankan terhadap bangunan Muzium Islam juga telah memberi kesan yang baik dari segi kecantikan dan keindahan bangunan warisan. Menurut Kamarul Shahril (2007), pemuliharaan

merupakan satu bidang yang melibatkan pengekalan dan perlindungan bangunan warisan untuk menghalang daripada kerosakan dengan mengambil kira signikan kepada masyarakat dan negara dari aspek sejarah dan keindahan sesebuah bangunan warisan. Kenyataan ini dapat dikaitkan dengan data temubual yang diperolehi daripada Informan 1 yang dinyatakan bahawa kerja-kerja konservasi yang dijalankan terhadap Muzium Islam Kelantan dapat memelihara seni warisan yang ada yang dapat dilihat dari aspek reka bentuk yang unik dan seni ukir yang menarik. Keindahan seni warisan yang ada ini dapat menambahkan lebih ramai pengunjung untuk datang ke Muzium Islam.

Justeru itu, kesan pemeliharaan dari segi keindahan ini turut disokong oleh segelintir masyarakat sekitar Muzium Islam yang dinyatakan seperti berikut :

*“Pada pandangan saya, dari segi keindahan, artifak, gambar-gambar dan rajah-rajah yang terdapat didalam Muzium Islam mempunyai keunikan dan kecantikannya yang tersendiri yang boleh dijadikan rujukan untuk memberikan idea kesenian kepada rakyat”*

(Informan 7, 2021)

*“kesan positif dari segi keindahan ialah kita dapat lihat banyak keindahan seni yang dihasilkan kerana wujudnya khazanah-khazanah yang boleh dijadikan sebagai rujukan”*

(Informan 8, 2021)

*“kesan dari segi keindahan ialah reka bentuk seni bina bangunan Muzium Islam yang begitu unik dan antik dapat menarik minat pelancong dengan lebih ramai”*

(Informan 5, 2021)

Berdasarkan data temubual ini, dapat dirumuskan bahawa pemeliharaan bangunan Muzium Islam Kelantan dapat memberi impak yang positif dari segi keindahan kepada masyarakat sekitar. Hal ini demikian kerana, reka bentuk seni bina yang terdapat pada Muzium Islam telah menonjolkan reka bentuk yang unik dan seni ukir yang menarik kepada masyarakat sekitar. Setiap reka bentuk dan seni ukir yang terpapar menghiasi dinding-dinding bangunan Muzium Islam mempunyai keistimewaan dan keunikan yang tersendiri. (Gambar 4.1 – Gambar 4.4). Justeru itu, keistimewaan dan keunikan bangunan ini dapat memberi kebaikan kepada masyarakat untuk mereka melihat dan mengenangkan keindahan seni reka Masyarakat Melayu Kelantan yang terdahulu. Keindahan yang terdapat pada bangunan Muzium Islam dapat menarik minat masyarakat dan pelancong untuk mengunjungi bangunan Muzium Islam. Menurut informan 2, keindahan yang terdapat pada bangunan Muzium Islam ini dapat dilihat pada teknik reka bentuk dinding Janda Berhias, dinding jendela Susunan Sireh, Seni Ukiran Khat dan Seni Ukiran bermotifkan Pucuk Rebung pada Andang-andang. Gambar 4.1 sehingga 4.4 menunjukkan seni ukir dan seni reka bentuk yang terdapat pada bangunan Muzium Islam Kelantan :

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



Gambar 4.1 : Seni Ukiran Khat menghiasi dinding bahagian dalam Muzium Islam

(Sumber : Norsyazwani Din, 2021)



Gambar 4.2 : Dinding Janda Berhias pada bahagian tingkat bawah Muzium Islam

(Sumber : Norsyazwani Din, 2021)



Gambar 4.3 : Seni Ukiran Khat pada bahagian dalam Muzium Islam

(Sumber : Norsyazwani Din, 2021)



Gambar 4.4 : Dinding Susun Sireh pada bahagian luar dan Seni Ukir Pucuk Rebung pada Andang-andang Muzium Islam

(Sumber : Norsyazwani Din, 2021)

#### 4.3.3 Kesan dari segi ekonomi

Selain itu, pemeliharaan bangunan Muzium Islam ini juga memberi kesan positif kepada muzium tersebut dari segi ekonomi. Berdasarkan artikel Pengekalan dan Pemuliharaan Bangunan Lama dan bersejarah di Bandar Klang sebagai Destinasi Perlancongan (Kes Kajian di Bandar Klang Selatan) yang ditulis oleh Mohamad Sufian Hasim, 1998, beliau menyatakan bahawa bangunan-bangunan bersejarah merupakan satu khazanah penting yang berpotensi untuk meningkatkan sumber ekonomi negara. Oleh itu, pendekatan pengekalan dan pemuliharaan terhadap bangunan ini perlulah dipelihara sebaiknya bagi memastikan potensi yang ada pada bangunan tersebut dapat digunakan sebaik mungkin. (Mohamad Sufian Hasim, 1998). Kenyataan ini dapat dikaitkan dengan data temubual yang dinyatakan oleh informan bahawa :

*“pemeliharaan Muzium Islam telah menarik lebih ramai pelancong datang melawat ke Muzium Islam Kelantan. Sebanyak 70% bilangan pelancong yang telah mengunjungi Muzium Islam selepas kerja-kerja pemeliharaan muzium dijalankan”*

(Informan 2, 2021)

Kenyataan ini turut disokong oleh masyarakat sekitar yang merupakan salah satu pengunjung Muzium Islam Kelantan yang mana beliau menyatakan bahawa :

*“Pada pendapat saya, kesan positif pemeliharaan Muzium Islam dari segi ekonomi ialah dapat meningkatkan ekonomi perlancongan termasuklah dari negara luar untuk mereka melihat koleksi yang dipamerkan dalam muzium islam ini.*

(Informan 5, 2021)

Berdasarkan data temubual ini, dapat dianalisis bahawa kerja-kerja pemeliharaan bangunan warisan Muzium Islam seharusnya dilakukan agar dapat meningkatkan ekonomi negari Kelantan. Hal ini demikian kerana, kedudukan bangunan Muzium Islam ini adalah berada di kawasan bandar Kota Bharu Kelantan dan bersebelahan dengan Masjid Muhammadi Kota Bharu Kelantan, oleh itu kedudukan lokasi muzium yang strategik ini memudahkan pihak muzium menarik lebih ramai pengunjung untuk melihat keindahan dan keunikan yang ada pada bangunan tersebut.(Gambar 4.5). Lantaran itu, penambahbaikan bangunan warisan Muzium Islam ini juga sedikit sebanyak telah menjadikan suasana dan keadaan persekitaran bangunan muzium tersebut kelihatan baru, cantik dan indah. Sekiranya keadaan persekitaran Muzium Islam kelihatan indah dan cantik maka sangat mudah untuk menarik minat masyarakat mengunjungi Muzium Islam tersebut. Justeru itu, masyarakat kini juga sangat suka akan benda yang baru dan cantik. Menurut Ubai Ismail, 2016, lumrah manusia untuk menyukai sesuatu yang baik dan cantik kerana sesuatu perkara atau benda yang cantik dapat memberi ilham yang baik selain daripada dapat menguatkan manusia dari segi moral dan fizikal. Demikian itu, perkara ini sememangnya dapat membantu pihak industri Muzium Islam Kelantan dalam mempromosikan keindahan dan kepentingan Muzium Islam Kelantan ke seluruh Negara sekaligus dapat meningkatkan jualan tiket masuk ke muzium tersebut. Gambar 4.5 menunjukkan kedudukan Muzium Islam dengan penempatan sekeliling:





Gambar 4.5 : Kedudukan Muzium Islam dengan penempatan sekeliling (Masjid Muhammadi Kota Bharu Kelantan) bersebelahan Muzium Islam

(Sumber : Norsyazwani Din, 2021)

Secara umumnya, berdasarkan temubual yang dilakukan terhadap kesemua informan di kawasan kajian menyatakan bahawa, pemeliharaan bangunan muzium ini adalah penting dan memberi kesan yang baik kepada masyarakat sekitar serta organisasi muzium dari segi emosi, keindahan dan ekonomi. Seterusnya, pemeliharaan bangunan Muzium Islam juga dapat meningkatkan imej dan nilai estetika di kawasan tersebut. Kenyataan ini disokong oleh sepuluh orang informan di kawasan kajian yang menyatakan bahawa mereka bersetuju dengan kenyataan ini kerana Muzium Islam ini merupakan bangunan bersejarah, sudah tentu bangunan ini dapat meningkatkan imej dan nilai estetika di kawasan tersebut sekiranya ianya dipelihara dengan baik.

#### 4.4 Kerja-kerja Konservasi Yang Dilakukan Dalam Mengelalkan Nilai Warisan Muzium

##### Islam Kelantan

Dalam pemeliharaan bangunan warisan Muzium Islam ini, terdapat beberapa proses atau kerja-kerja pemeliharaan yang telah dilakukan bagi mengekalkan nilai warisan Muzium Islam Kelantan. Menurut Informan 2, penambahbaikan Muzium Islam telah dilakukan dengan membaiki kerosakan bangunan Muzium Islam tanpa mengubah bentuk asal bangunan. Bangunan ini pernah diubahsuai pada tahun 1917 dan 1962 untuk menjadikan rumah kediaman tersebut sebagai ruang pejabat. Kemudian, kerja pengubahsuai bangunan ini dimulakan pada awal tahun 1991 dan diakhiri pada 11 November 1991 dengan mengubahsuai sebagai Muzium Islam, perpustakaan islam dan asrama pelajar-pelajar Maahad Tahfiz Al-Quran. Pengubahsuai yang dilakukan tidak mengubah ciri-ciri bahagian luar bangunan, namun hampir keseluruhan ciri-ciri bahagian dalaman seperti tangga dan pintu yang telah diubah dan dibuang semasa kerja pemeliharaan dilakukan. Menurut Informan 2, jenis kayu yang digunakan dalam pemeliharaan bangunan muzium adalah dari jenis kayu cengal, merebau dan Seraya. Pemilihan kayu cengal adalah yang terbaik kerana kayu cengal merupakan jenis kayu yang tahan lasak dan kukuh. Berdasarkan keratan Akhbar Metro, 2015, Pokok Cengal merupakan sejenis pokok kayu keras yang popular dan tahan terhadap serangan anai-anai. Tidak dinafikan bahawa kayu cengal adalah kayu keras yang tahan lama dan mempunyai ketumpatan antara 915 hingga 980 kilogram per meter padu yang digunakan dalam kerja pembinaan berat.(Keratan Akhbar Metro, 2015).

Demikian itu, menurut Informan 1 iaitu Penolong Kurator Muzium, beliau menyatakan bahawa segala kerosakan yang didapati pada bangunan tersebut akan diuruskan oleh Pihak Muzium Islam itu sendiri bergantung kepada jenis kerosakan dan

keadaan kerosakan sama ada ianya minima atau maxima. Menurut beliau lagi, kesemua kerja-kerja pemeliharaan yang dilakukan terhadap bangunan Muzium Islam dilakukan mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Jabatan Muzium Malaysia iaitu dengan melakukan penyelidikan awalan iaitu kaedah tinjauan dan pengambilan gambar kerosakan terhadap setiap bahagian yang mempunyai kerosakan yang serius. Seterusnya, penelitian terhadap kajian kerosakan dijalankan bagi melihat sejauh mana kerosakan itu berlaku, pada peringkat ini kerosakan dikenalpasti dan dicatatkan peratusan kerosakan yang berlaku serta kerja-kerja konservasi yang perlu dilakukan untuk menangani kerosakan tersebut.

Selain itu, penyediaan dokumen tender pula disediakan oleh pihak Muzium Islam untuk dihantar kepada Pengarah Muzium Negeri Kelantan bagi mendapatkan kelulusan dalam menjalankan kerja-kerja pemeliharaan terhadap kerosakan-kerosakan tersebut. Pihak Muzium Negeri Kelantan akan menilai setiap kerosakan yang direkodkan sama ada proses ini menggunakan kos yang besar atau kecil. Segala kelulusan dan keputusan kerja-kerja pemeliharaan bangunan Muzium Islam adalah daripada Pengarah Muzium Negeri Kelantan. Jika kerosakan pada bangunan adalah sedikit, kerja-kerja pemeliharaan hanya diuruskan oleh pihak Muzium Islam sahaja yang melibatkan tukang upah dari luar. Sekiranya bangunan mempunyai kerosakan banyak dan perlu dibuat konservasi, pihak muzium akan memaklumkan kepada Jabatan Warisan Negara Zon Timur bagi memohon khidmat nasihat dalam membuat penilaian dan kajian awal mengenai kerosakan yang terlibat. Dalam proses ini pihak muzium akan mengenalpasti jenis dan tahap kerosakan bangunan dan akan mengemukakan cadangan kaedah pemuliharaan. Seterusnya, kerja-kerja pemuliharaan bangunan akan dijalankan untuk membaiki kerosakan yang telah direkodkan. Akhir sekali proses pengurusan dan penyelenggaraan, konservator perlu menyediakan pelan penyelenggaraan bagi memastikan bangunan dapat diuruskan dan dijaga dengan baik dari masa ke semasa supaya dapat memudahkan perancangan untuk menjalankan penyelenggaraan secara berskala.

#### 4.4.1 Kerja-kerja konservasi terhadap bangunan Muzium Islam

Menurut Informan 1, kerja-kerja konservasi yang telah dijalankan terhadap bangunan Muzium Islam Kelantan telah melibatkan beberapa bahagian bangunan yang mengalami kerosakan yang banyak. Antara bahagian yang telah dikonservasikan sepanjang penubuhan bangunan Muzium Islam ini ialah pada bahagian hadapan bangunan, bahagian bumbung, bahagian bata singgora, andang-andang, ukiran kepala tingkat, ukiran kepala pintu, dinding dalam tingkat bawah, dinding dalam bahagian anjung dan dinding luar tingkat atas.

##### i. Bahagian hadapan bangunan

Kerja-kerja konservasi telah dilakukan pada bahagian hadapan bangunan Muzium Islam yang mengalami kerosakan. Pada bahagian ini terdapat beberapa kerosakan yang perlu diperbaiki iaitu pada bahagian dinding luar tingkat atas, dinding jendela tingkat atas, ukiran kepala tingkat dan andang-andang. Gambar 4.6 menunjukkan gambar bangunan Muzium Islam sebelum dibaik pulih dan gambar bangunan Muzium Islam selepas dibaik pulih :



Gambar 4.6 : Gambar bangunan sebelum dibaik pulih (A) dan selepas dibaik pulih (B)


(Sumber : Norsyazwani Din, 2021)

## ii. Bumbung

Keadaan bumbung bangunan Muzium Islam mengalami kerosakan pada bahagian kekuda kayu dan bata singgora. Bumbung mengalami kerosakan jenis berkulat dan bocor. Faktor kerosakan adalah kerana terdedah kepada kelembapan yang tinggi. Kesan-kesan fungus dapat dilihat pada bahagian bata singgora. Selain itu, terdapat juga kerosakan lain seperti kayu bumbung reput, serangan anai-anai, kerosakan pada kalis tiris dan struktur bumbung yang lemah. Kerja-kerja konservasi pada bahagian telah dilakukan dengan memasang kayu bumbung yang baru menggunakan kayu jeriau, pemasangan kalis tiris yang baru dan penyusunan atap singgora. Gambar 4.7 sehingga gambar 4.9 menunjukkan kaedah konservasi yang dijalankan terhadap bumbung bangunan warisan Muzium Islam Kelantan.




Gambar 4.7 : Gambar bumbung sebelum konservasi (A) dan gambar bumbung semasa konservasi (B)  
(Sumber : Norsyazwani Din, 2021)



Gambar 4.8: Kerja-kerja membuka lapisan kalis tiris (A) dan Kerja-kerja memasang lapisan kalis tiris yang baru (B)  
(Sumber : Norsyazwani Din, 2021)


KELANTAN




Gambar 4.9 :Kerja-kerja memasang kayu jeriau (A) dan Kerja-kerja menyusun atap singgora (B)  
(Sumber : Norsyazwani Din,2021)

### iii. Atap Singgora

Pada bahagian atap singgora, kerja-kerja pembersihan atap dilakukan dengan cara mengikis bahagian yang berkulat dan membersihkannya menggunakan air. Manakala pada bahagian atap yang rosak akibat pecah pula, proses penukaran atap singgora yang baru dilakukan bagi menggantikan atap singgora yang telah rosak dan pecah. Sebelum atap singgora yang baru dipasang, atap-atap ini akan disapu ubat kalis air terlebih dahulu yang dikenali sebagai *water repellent* bagi mencegah daripada air menempel pada atap ketika hujan. *Water repellent* berfungsi untuk mengelakkan atap menjadi mudah rosak apabila terkena air. Penggunaan *water repellent* pada atap dapat menjadikan bata-bata tersebut tahan lebih lama. Gambar 4.10 dan gambar 4.11 menunjukkan proses baik pulih atap singgora Muzium Islam.




Gambar 4.10: Atap singgora sebelum dicuci (A) dan Atap singgora yang telah dicuci (B)  
(Sumber : Norsyazwani Din,2021)



Gambar 4.11: Atap Singgora baru sebelum disapu *water repellent* (A) dan atap singgora baru selepas disapu *water repellent* (B)  
(Sumber : Norsyazwani Din, 2021)

#### iv. Andang-andang

Kerja-kerja konservasi dilakukan pada bahagian andang-andang yang mana ukiran papan andang-andang telah mengalami kerosakan jenis cat yang luntur dan lusuh disebabkan oleh cuaca dan kelembapan. Proses konservasi dijalankan pada bahagian ini dengan mengecat semula bahagian ukiran papan andang-andang yang rosak supaya kelihatan seperti baru semula. Gambar 4.12 menunjukkan andang-andang sebelum dicat semula dan selepas dicat semula.



Gambar 4.12 : Andang-andang sebelum dicat semula (A) dan Andang-andang selepas dicat semula (B)  
(Sumber : Norsyazwani Din, 2021)

##### v. Ukiran Kepala Pintu

Ukiran pada bahagian kepala pintu juga mengalami kerosakan jenis cat yang luntur disebabkan oleh faktor cuaca dan cahaya. Kerja-kerja konservasi telah dijalankan pada ukiran kepala pintu dengan mengecat semula bahagian ini dengan menggunakan cat warna emas. Proses ini telah menjadikan ukiran kepala pintu kelihatan cantik dan menarik seperti baru. Gambar 4.13 menunjukkan gambar ukiran kepala pintu sebelum dicat semula dan selepas dicat semula.



Gambar 4.13: Ukiran kepala pintu sebelum dicat semula (A) dan Ukiran kepala pintu selepas dicat semula (B)  
(Sumber : Norsyazwani Din, 2021)

MALAYSIA  
KELANTAN

#### vi. Ukiran Kepala Tingkap

Pada bahagian ukiran kepala tingkap juga mengalami kerosakan yang mana bahagian ukiran di atas kepala tingkap telah renggang disebabkan oleh faktor cuaca. Cuaca yang panas dan hujan telah mengakibatkan bahan kayu pada ukiran kepala tingkap ini menjadi penyusutan kerana diterpa panas sehingga mengalami pergerakan dan renggang. Proses konservasi dilakukan dengan membaikpulih ukiran kayu kepala tingkap kepada bentuk yang asal. Gambar 4.14 menunjukkan gambar ukiran kepala tingkap yang renggang sebelum dikonservasi dan selepas dikonservasi.



Gambar 4.14: Ukiran kepala tingkap yang renggang sebelum dikonservasi (A) dan Ukiran kepala tingkap yang telah dibaikpulih (B)  
(Sumber : Norsyazwani Din, 2021)

vii. Dinding dalam tingkat bawah

Dinding dalam tingkat bawah mengalami kerosakan jenis cat yang luntur disebabkan oleh faktor cuaca. Terdapat juga kesan berkulat pada dinding dalam ini. Kerja-kerja konservasi dijalankan dengan mengikis bahagian cat yang luntur dan mengecat semula dinding tersebut dengan dua lapisan iaitu lapisan cat asas dan lapisan cat yang berwarna. Gambar 4.15 menunjukkan keadaan dinding tingkat bawah sebelum dikonservasikan dan selepas dikonservasikan.



Gambar 4.15 : Dinding tingkat bawah sebelum dikonservasi (A) dan Dinding tingkat bawah selepas dikonservasi (B)  
(Sumber : Norsyazwani Din, 2021)

viii. Dinding dalam bahagian anjung


Bahagian dinding dalam anjung juga mengalami kerosakan jenis cat yang luntur dan dinding berkulat disebabkan oleh faktor cuaca dan kelembapan. Kerja-kerja konservasi yang dijalankan adalah dengan mengikis semula bahagian dinding berkulat dan cat yang luntur, kemudian proses mengecat semula dinding menggunakan lapisan cat atas dan lapisan cat berwarna turut dilakukan dalam pemberkualat dinding bangunan ini. Gambar 4.16 menunjukkan dinding bahagian anjung sebelum kerja-kerja konservasi dijalankan dan gambar dinding bahagian anjung selepas dikonservasikan.



Gambar 4.16 : Dinding anjung sebelum dikonservasi (A) dan Dinding anjung selepas dikonservasi (B)  
(Sumber : Norsyazwani Din, 2021)

ix. Dinding luar tingkat atas

Kerosakan pada dinding luar tingkat atas telah dicatatkan iaitu jenis kerosakan dinding tingkap dan tingkap yang berkulat dan mengalami cat yang luntur disebabkan oleh faktor cuaca dan kelembapan. Cuaca hujan panas telah mengakibatkan cat dinding menjadi pudar dan luntur. Tahap kelembapan dinding yang terlalu tinggi telah mengakibatkan keadaan dinding bahagian luar tingkat atas ini tumbuh kulat dan bintik-bintik hitam. Gambar 4.17 menunjukkan dinding luar tingkat atas sebelum dibaik pulih dan selepas dibaik pulih.



Gambar 4.17 : Dinding luar tingkat atas sebelum dikonservasi (A) dan Dinding luar tingkat atas selepas dikonservasi (B)  
(Sumber : Norsyazwani Din, 2021)

#### 4.4.2 Pengekalan nilai warisan dari aspek reka bentuk

Kerja-kerja pembaikpulih bangunan Muzium Islam Kelantan telah memelihara beberapa struktur bangunan yang mempunyai nilai warisan negeri Kelantan. Kaedah pemeliharaan yang dilakukan ini sedikit sebanyak telah mengekalkan nilai warisan yang terdapat pada seni bina bangunan Muzium Islam Kelantan dari aspek reka bentuk. Hal ini demikian kerana, kita dapat lihat bahawa pembaikpulih bumbung atap singgora, ukiran papan andang-andang, ukiran kepala pintu, ukiran kepala tingkap dan dinding bangunan telah memelihara bangunan Muzium Islam sekaligus mengekalkan seni ukiran dan warisan yang terdapat pada Muzium Islam itu sendiri. Kerja-kerja pemeliharaan bangunan Muzium Islam Kelantan telah mengekalkan nilai warisan yang terdapat pada bangunan tersebut. Antaranya ialah atap genting singgora, ukiran andang-andang bermotifkan Pucuk Rebung, dinding jendela Teknik Susun Sireh, dinding Janda Berhias, ukiran jejala Tebuk Tembus pada jendela dan ukiran kepala pintu.

Sehubungan dengan itu, atap singgora merupakan sebahagian daripada identiti dan elemen utama dalam seni bina tradisional di Negeri Kelantan, Terengganu dan Wilayah Selatan Thailand. Atap singgora kebiasaannya digunakan pada bumbung seni bina tradisional kayu seperti rumah, istana, masjid, Wat Siam, pintu gerbang dan lain-lain. Menurut Shamsu Mohamad (2013), atap singgora berasal dari selatan Thailand iaitu di Songkla Thailand. Atap ini diperkenalkan oleh pedagang Cina pada abad ke-16 dalam perusahaan atap singgora kemudian berkembang maju di wilayah Patani, Hatyai, Narathiwat, Bangkok dan juga Malaysia. (Shamsu Mohamad, 2013). Demikian itu, sangat penting untuk kita memelihara dan mengekalkan nilai warisan atap singgora ini untuk dihayati dan dikenang oleh generasi yang akan datang.

Seterusnya, pengekalan nilai warisan pada ukiran andang-andang yang bermotifkan Pucuk Rebung, ukiran jejala Tebuk Tembus pada jendela, ukiran kepala pintu, dinding jendela Teknik Susunan Sireh dan dinding Janda Berhias juga turut terpelihara dengan baik

selepas kerja-kerja konservasi bangunan warisan ini dijalankan. Dinding Janda Berhias merupakan jenis dinding yang banyak digunakan pada golongan diraja, bangsawan dan berada. Menurut Nakula (1980), dinding Janda merupakan dinding yang diselangi pada petak-petak tertentu di antara petak-petak. Setiap petak-petak panel mempunyai makna tertentu mengikut bentuk cembung dan timbul. Dinding janda mempunyai dua jenis iaitu dinding Janda Hias dan dinding Janda Ria. Oleh itu, nilai warisan ini sangat penting untuk dipelihara dan dikekalkan untuk dijadikan sebagai tatapan generasi akan datang.

Secara rumusannya dapat dilihat bahawa kerja-kerja konservasi yang dilakukan terhadap bangunan Muzium Islam ini sememangnya telah mengekalkan nilai warisan yang ada pada bahagian dalaman dan luaran bangunan ini. Hal ini dikatakan kerana, jenis-jenis ukiran dan motif yang dicipta dan dihasilkan oleh masyarakat dahulu terhadap bangunan tersebut telah dijaga dengan baik dan dikekalkan sehingga kini. Berdasarkan data pemerhatian dan data temubual yang dilakukan bersama informan di kawasan kajian, pengekalan nilai warisan ini dapat dilihat pada seni ukiran kaligrafi yang diukir menghiasi dinding-dinding bahagian dalaman Muzium Islam, bukan itu sahaja pada bahagian dinding Muzium Islam juga terdapat seni reka yang menggunakan Teknik Janda Berhias dan Teknik Susunan Sireh pada bahagian jendela tingkat atas bangunan.

#### **4.5 Keistimewaan Dan Keunikan Seni Bina Warisan Yang Terdapat Pada Muzium Islam Kelantan**

##### **4.5.1 Pengaruh seni bina (Bumbung)**

Seni bina bangunan Muzium Islam Kelantan mempunyai pengaruh seni bina Thailand yang berdasarkan gaya dan ciri-ciri model Rumah Melayu Kelantan dan Pattani. Gaya seni bina bangunan ini telah digambarkan sebagai Bahasa Melayu Kelantan Pattani

ke-20 kerana mempunyai reka bentuk dan motif ukiran yang rumit. Menurut Informan 1, pengaruh seni bina Thailand yang terdapat pada bangunan Muzium Islam ini adalah pada bahagian bumbung yang mana bumbung bangunan Muzium Islam ini adalah menggunakan atap genting singgora. Atap genting singgora berasal daripada selatan Thailand iaitu di Songkla Thailand. Pada tahun 1905 bangunan Muzium Islam ini telah dipilih sebagai tempat sambutan lawatan Maharaja Siam iaitu Maharaja Chulalongkorn (Rama V) ke Kota Bharu. Menurut Shaari Saud (2009) atap singgora berasal dari Songkhla Thailand. Susun atur atap singgora yang seakan-akan sisik ikan telah menjadi pilihan masyarakat Kelantan, Terengganu dan Thailand. Atap singgora yang berasal daripada Thailand mempunyai perbezaan dari segi bentuk dan saiz. Terdapat dua jenis reka bentuk atap singgora Thailand iaitu berbentuk U dan V pada penghujungnya. Manakala atap singgora Kelantan mempunyai satu reka bentuk sahaja iaitu berbentuk V atau *diamond shape*. ( Shaari Saud, 2009). Gambar 4.18 menunjukkan susunan atap singgora yang digunakan pada bumbung Muzium Islam.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



Gambar 4.18 : Susunan Atap Singgora pada bumbung Muzium Islam  
( Sumber : Norsyazwani Din, 2021)

#### 4.5.2 Jenis-jenis reka bentuk

Demikian itu, dari segi seni bina bangunan Muzium Islam, terdapat keunikan pada setiap reka bentuk bangunan warisan ini. Menurut Informan 1, keunikan bangunan Muzium Islam ini adalah dari segi bentuk bangunan Muzium yang seakan-akan sama dengan reka bentuk Istana Jahar iaitu yang berunsurkan Rumah Tradisional Masyarakat Melayu Kelantan. Reka bentuk bangunan Muzium Islam ini tidak sama dengan reka bentuk muzium yang lain. Reka bentuk Muzium Islam lebih clasik dan unik berbanding dengan muzium-muzium yang lain. Tambahan lagi, menurut Infroman 1, keunikan bangunan Muzium Islam dapat dilihat berdasarkan setiap fungsi bangunan tersebut yang menyerupai reka bentuk Rumah Tradisional Masyarakat Melayu Kelantan yang mana, pada bahagian tingkat bawah

Muzium Islam ianya seakan-akan mempunyai ruang tamu seperti rumah tradisional, manakala pada bahagian tingkat atas pula adalah seperti bahagian ruangan untuk privasi keluarga.

Keistimewaan bangunan warisan Muzium Islam ini dapat dilihat pada reka bentuk muzium ini yang berbentuk seakan-akan Rumah Melayu Kelantan. Jika dilihat pada reka bentuk bangunan, Muzium Islam ini menggunakan konsep Rumah Melayu Tiang 12 tetapi dibuat mengikut ekspresi yang diinginkan oleh pemilik rumah asal. (Informan 1, 2021). Oleh itu, kita dapat lihat bahawa bangunan Muzium Islam ini sangat istimewa bagi masyarakat negeri Kelantan dan masyarakat negeri luar kerana tidak ada muzium yang mempunyai pengaruh reka bentuk seperti rumah Melayu Kelantan selain daripada Muzium Islam di Kota Bharu Kelantan ini. Reka bentuk bangunan muzium ini berbeza dengan reka bentuk muzium-muzium lain yang terdapat di Kelantan seperti Muzium Bank Kerapu dan Muzium Negeri Kelantan. Gambar 4.19 menunjukkan reka bentuk bangunan warisan Muzium Islam Kelantan.





Gambar 4.19: Reka Bentuk bangunan Muzium Islam Kelantan

( Sumber : Norsyazwani Din, 2021)

Berdasarkan kenyataan Informan 2 keunikan bangunan Muzium Islam dapat dilihat dari segi reka bentuknya yang menyerupai rumah Melayu Kelantan dan hiasan ukiran pada dinding dan sudut-sudut yang lain. Bangunan ini juga mempunyai anjung di bahagian hadapan sebagai tempat untuk menyaksikan pelbagai upacara dan pertunjukkan. Menurut Informan 2, seni bina bangunan ini mempunyai pengaruh Thailand pada reka bentuk bangunan antaranya adalah penggunaan atap Singgora. Setiap pintu, tingkap dan ruangan dalaman mempunyai pelbagai jenis ukiran menarik yang menghiasi bangunan muzium tersebut. Kebanyakkan ukiran-ukiran ini dipenuhi dengan ayat-ayat suci al-Quran yang digubah dalam seni reka dan khat yang cantik dan menarik. Manakala menurut Informan 4 pula, keunikan bangunan ini dapat dilihat daripada reka bentuknya yang unik dan clasik yang mana ianya mempunyai ukiran dinding yang menarik dinamakan sebagai Janda

Berhias di bahagian dinding tingkat bawah. (Gambar 4.20). Reka bentuk pada jendela pula menggunakan teknik susunan sireh pada dinding jendela. (Gambar 4.21). Daun tingkap dibuat berupa sisik angin untuk mendapatkan udara walaupun tingkapnya tertutup. Terdapat juga ukiran yang unik pada andang-andang di bahagian bumbung bangunan muzium yang bermotifkan pucuk rebung. (Gambar 4.22).



Gambar 4.20 : Hiasan dinding Janda Berhias bahagian dalam Muzium Islam

( Sumber : Norsyazwani Din, 2021)



Gambar 4.21 : Dinding Jendela Susun Sireh Muzium Islam  
( Sumber : Norsyazwani Din, 2021)

#### 4.5.3 Jenis-jenis ukiran dan motif

##### i. Andang-andang

Pada bahagian pemelel terdapat ukiran andang-andang yang cantik dan unik menghiasi bumbung bangunan Muzium Islam. Andang-andang Muzium Islam ini diukir bermotifkan pucuk rebung. Keistimewaan bangunan Muzium Islam ini dapat dilihat pada ukiran andang-andang ini kerana ukiran ini hanya terdapat pada bangunan Muzium Islam di Kota Bharu Kelantan sahaja. Gambar 4.22 menunjukkan ukiran andang-andang yang terdapat pada bumbung Muzium Islam.



Gambar 4.22 : Ukiran Andang-andang pada Bumbung Muzium Islam  
( Sumber : Norsyazwani Din, 2021)

ii. Ukiran dinding bahagian dalam Muzium Islam

- Ukiran Tebuk Tembus

Ukiran Kayu Tebuk Tembus berasal dari sekeping papan atau beberapa keping papan yang diukir menggunakan teknik tebuk. Ukiran ini menggunakan alatan gerudi gergaji supaya hasilnya berbentuk khat-khat ayat suci al-Quran yang tembus. Terdapat dua jenis Ukiran Tebuk Tembus yang menghiasi dinding-dinding bahagian dalaman Muzium Islam Kelantan iaitu Ukiran Tebuk Tembus Tidak Silat dan Ukiran Tebuk Tembus Silat. Jenis Ukiran Tebuk Tidak Silat kebiasaannya berbentuk ukiran awan larat, siling, kaligrafi dan simetri. (Gambar 4.23 dan gambar 4.24). Manakala jenis Ukiran Tebuk Silat pula mempunyai bahagian menindih yang bentuknya melengkung menjorok keluar. Pada

bahagian atas jendela dinding tingkat atas Muzium Islam dan bahagian atas dinding tingkat bawah diukir dengan Ukiran Tebuk Tembus yang berfungsi sebagai pengaliran udara dan cahaya. (Gambar 4.23). Selain itu, terdapat juga Ukiran Tebuk Tembus Bersilat pada bahagian ukiran khat yang menghiasi dinding-dinding bahagian dalam Muzium Islam. (Gambar 4.25).



Gambar 4.23 : Ukiran Tebuk Tembus Tidak Silat pada bahagian atas dinding  
(Sumber : Norsyazwani Din, 2021)



Gambar 4.24 : Ukiran Tebuk Tembus Khat yang menghiasi dinding Muzium

(Sumber : Norsyazwani Din, 2021)



Gambar 4.25 : Ukiran Tebuk Tembus Bersilat Khat dan Bunga

(Sumber : Norsyazwani Din, 2021)

- **Ukiran Khat Timbul**

Teknik ukiran khat timbul diukir pada bahagian pondok dalam Muzium Islam. Teknik ukiran khat timbul ini adalah ukiran yang tidak ditebus tembus. Bahagian yang diukir ialah bahagian corak bertulis khat kalimah “La ilaha illallah, muhammadra rasulullah”. Gambar 4.26 menunjukkan Ukiran Khat Timbul pada pondok bahagian dalam Muzium Islam Kelantan.



Gambar 4.26 : Ukiran Khat Timbul pada pondok bahagian dalam Muzium Islam.

(Sumber : Norsyazwani Din, 2021)

KELANTAN

#### 4.6 Kesimpulan

Secara kesimpulannya, dapatan kajian ini menjelaskan tentang prosedur kajian yang dijalankan oleh penyelidik untuk mendapatkan data yang berkaitan dengan objektif. Berdasarkan hasil temubual bersama informan mengenai hasil kajian yang dilakukan di kawasan kajian. Kesemua objektif yang disenaraikan telah dijawab dengan baik oleh informan-informan di kawasan kajian. Analisis data yang dilakukan adalah untuk menerangkan dengan lebih mendalam mengenai kerja-kerja pemeliharaan yang dijalankan dalam mengekalkan nilai warisan yang terdapat pada bangunan Muzium Islam di Kota Bharu Kelantan. Data yang diperolehi daripada hasil temubual telah direkodkan dalam dapatan kajian bagi keseluruhan bab 4 ini.



## BAB 5

### RUMUSAN DAN CADANGAN

#### 5.1 Pengenalan

Bab 5 ini menerangkan tentang cadangan dan rumusan berdasarkan analisis dapatan kajian. Pada bahagian ini penyelidik akan menerangkan tentang rumusan dan cadangan yang diperolehi hasil daripada dapatan kajian yang dilakukan oleh penyelidik di kawasan kajian. Bab ini merupakan bab terakhir bagi penyelidikan ini. Oleh itu, penyelidik akan merumuskan semua perkara yang diperolehi dan didapati hasil daripada Projek Penyelidikan yang dijalankan oleh penyelidik.

#### 5.2 Rumusan

Secara rumusannya, hasil dapatan kajian yang diperolehi telah mencapai objektif kajian yang pertama. Kerja-kerja pemeliharaan bangunan Muzium Islam Kelantan telah memberi kesan yang baik kepada masyarakat sekitar dari segi emosi, keindahan dan ekonomi. Hal ini dikatakan kerana, berdasarkan analisis data temu bual yang dilakukan oleh masyarakat sekitar, kesemua informan telah bersetuju dengan kenyataan ini. Hasil analisis data dari segi emosi, penerimaan masyarakat terhadap pemeliharaan bangunan bersejarah Muzium Islam ini telah menimbulkan rasa suka, gembira dan minat terhadap peristiwa masa lalu dan sejarah reka bentuk bangunan muzium ini. Perasaan suka dan gembira dapat dilihat melalui sikap prihatin masyarakat dalam menghayati dan meneliti nilai sejarah yang terdapat pada bangunan Muzium Islam ini. Manakala dari segi keindahan pula, penerimaan masyarakat berkaitan keindahan reka bentuk bangunan Muzium Islam selepas kerja-kerja pemeliharaan dilakukan adalah sangat baik. Hal ini kerana, data temubual bersama informan yang menyatakan bahawa pemeliharaan Muzium Islam telah menonjolkan reka

bentuk yang unik dan seni ukir yang menarik kepada masyarakat sekitar. Keistimewaan dan keunikan bangunan ini dapat memberi kebaikan kepada masyarakat untuk mereka melihat dan mengenangkan keindahan seni reka masyarakat Melayu Kelantan yang terdahulu. Keindahan reka bentuk dapat dilihat pada dinding Janda Berhias, dinding jendela Teknik Susunan Sireh, Seni Ukiran Khat dan Seni Ukiran bermotifkan Pucuk Rebung pada Andang-andang. Seterusnya, dari segi ekonomi pula, penambahbaikan bangunan warisan Muzium Islam ini telah menjadikan suasana dan keadaan persekitaran bangunan muzium tersebut kelihatan baru, cantik dan indah. Tambahan pula, kedudukan bangunan Muzium Islam ini juga adalah berada di kawasan tengah bandar Kota Bharu dan bersebelahan dengan Masjid Muhammadi Kota Bharu Kelantan, kedudukan yang strategik ini dapat memudahkan pihak muzium untuk menarik lebih ramai pengunjung untuk melihat keindahan dan keunikan yang ada pada bangunan tersebut. Hasil kajian mendapati sebanyak 70% bilangan pelancong yang telah mengunjungi Muzium Islam selepas kerja-kerja pemeliharaan muzium dijalankan.

Seterusnya, dapatan kajian ini juga telah mencapai objektif kedua penyelidik berkaitan kerja-kerja konservasi yang dijalankan dalam mengekalkan nilai warisan yang terdapat pada bangunan muzium ini. Kenyataan ini telah dipersetujui oleh kesemua informan di kawasan kajian. Kerja-kerja konservasi yang dilakukan pada bangunan Muzium Islam ini bukan sahaja telah memelihara struktur bangunan tersebut, malah telah mengekalkan nilai warisan dan sejarah yang ada pada bangunan warisan tersebut. Hal ini demikian kerana, kerja-kerja pemeliharaan yang dilakukan pada struktur bangunan yang rosak adalah sangat baik dan teliti dari segi etika kerja dan kualiti bahan yang digunakan. Hasil dapatan kajian yang diperolehi di kawasan kajian, informan menyatakan bahawa jenis kayu yang digunakan dalam pemeliharaan bangunan muzium adalah dari jenis kayu cengal, merebau dan Seraya. Pemilihan kayu cengal adalah yang terbaik kerana kayu cengal

merupakan jenis kayu yang tahan lasak dan kukuh. Justeru itu, dapat dikatakan bahawa kerja-kerja konservasi yang dijalankan pada bangunan Muzium Islam ini sedikit sebanyak telah mengekalkan nilai warisan yang dibina sejak bertahun lama lagi oleh masyarakat lampau. Hasil analisis data mendapati bahawa pengekalan nilai warisan ini dapat dilihat pada seni ukiran kaligrafi yang diukir menghiasi dinding-dinding bahagian dalaman Muzium Islam. Bukan itu sahaja, pada bahagian dinding Muzium Islam juga terdapat seni reka yang menggunakan dinding Janda Berhias dan Teknik Susunan Sireh pada bahagian jendela tingkat atas bangunan.

Objektif ketiga juga telah tercapai kerana bangunan warisan ini mempunyai keistimewaan dan keunikannya yang tersendiri dari segi reka bentuk seni bina bangunan. Kenyataan ini telah dipersetujui oleh kesemua informan di kawasan kajian. Muzium ini mempunyai keistimewaan bagi masyarakat Kelantan dari segi pengaruh reka bentuk seperti rumah Tradisional Melayu Kelantan, ianya berbeza dengan reka bentuk muzium-muzium yang lain. Tambahan pula, berdasarkan data analisis kajian, keistimewaan bangunan Muzium Islam Kelantan ini juga dapat dilihat daripada pengaruh seni bina, yang mana bumbung bangunan muzium ini mempunyai pengaruh dari Thailand. Atap Genting Singgora yang digunakan pada bumbung bangunan ini adalah berasal daripada selatan Thailand iaitu di Songkla, Thailand. Selain itu, keistimewaan bangunan warisan Muzium Islam ini dapat dilihat pada reka bentuk muzium ini yang berbentuk seakan-akan Rumah Melayu Kelantan. Jika dilihat pada reka bentuk bangunan, muzium ini menggunakan konsep Rumah Melayu Tiang 12 tetapi dibuat mengikut ekspresi yang diinginkan oleh pemilik rumah asal. Manakala keunikan bangunan warisan ini dapat dilihat melalui jenis-jenis ukiran dan motif yang digunakan bagi menghiasi bahagian dinding luar dan dinding dalam muzium ini. Ukiran Andang-andang yang digunakan pada bangunan muzium ini juga sangat unik kerana ianya bermotifkan Pucuk Rebung. Keistimewaan ukiran Andang-andang muzium ini dapat dilihat

melalui perbezaan di antara jenis ukiran Andang-andang Muzium Islam Kelantan dan jenis ukiran andang-andang Istana Jahar. Ukiran Andang-andang Istana Jahar adalah bermotifkan Pucuk Petola dan Pucuk Rebung, manakala ukiran andang-andang Muzium Islam hanya bermotifkan Pucuk Rebung sahaja.

### 5.3 Cadangan

Cadangan yang ingin dikongsikan oleh penyelidik adalah kajian mengenai kerja-kerja konservasi dalam mengekalkan nilai warisan yang terdapat pada bangunan warisan Muzium Islam di Kota Bharu, Kelantan ini perlu diperbanyakkan dan diperkembangkan lagi agar segala informasi berkaitan bangunan bersejarah ini dapat diperkenalkan dan diperluaskan kepada masyarakat luar. Hal ini demikian kerana, kajian penyelidikan terhadap bangunan Muzium Islam Kelantan ini kurang dijalankan menyebabkan informasi dan maklumat berkaitan Muzium Islam ini kurang jelas dan tidak diketahui dalam kalangan masyarakat kini. Berdasarkan kajian penyelidikan yang dilakukan oleh penyelidik mendapati bahawa segala informasi, data dan maklumat berkaitan sejarah dan latar belakang Muzium Islam sukar diperolehi dalam pencarian artikel atau jurnal secara dalam talian. Oleh itu, pencarian artikel atau jurnal secara dalam talian untuk dijadikan sebagai bahan bacaan dan rujukan berkaitan bangunan Muzium Islam kurang membantu penyelidik dalam menjalankan kajian ini. Justeru itu, sekiranya kajian mengenai bangunan Muzium Islam ini tidak dijalankan, maka sangat sukar untuk masyarakat setempat dan masyarakat luar mengetahui tentang kewujudan dan keistimewaan bangunan warisan yang unik dan cantik ini.

## RUJUKAN

Razin Norman ( 2017). Pitis Timah Kelantan, Satu Kajian Estetik dan Kaedah Pembersihan.

Hafisyahrom Abd Halim (2018). Pandangan Organisasi Warisan Budaya Terhadap Rekabentuk Rumah Tradisional di Alor Setar, Kedah.

Siti Nor Fatimah Zuraidi, Zainal Abidin Akasah, Mohammad Ashraf Abdul Rahman. (2011). Masalah Dalam Pemuliharaan Bangunan Warisan di Malaysia. Diambil daripada

[https://www.academia.edu/2854839/Masalah\\_dalam\\_pemuliharaan\\_bangunan\\_wa\\_risan\\_di\\_Malaysia](https://www.academia.edu/2854839/Masalah_dalam_pemuliharaan_bangunan_wa_risan_di_Malaysia)

Mohd Qawien bin Mootar. (2019). Pemulihan Bangunan Warisan dari Aspek Sejarah Di George Town, Pulau Pinang. Diambil daripada

<http://eprints.usm.my/48361/1/Pemuliharaan%20Bangunan%20Warisan%20Dari%20Aspek%20Sejarah%20di%20George%20Town%2C%20Pulau%20Pinang.pdf%20cut.pdf>

Nurulhuda binti Othman. (2013). Pemeliharaan Seni Bina Bangunan-bangunan Bersejarah Khususnya Masjid Sultan Ibrahim Muar. Diambil daripada

[https://ir.unimas.my/id/eprint/21162/1/Pemeliharaan%20seni%20bina%20bangunan%20\(24pgs\).pdf](https://ir.unimas.my/id/eprint/21162/1/Pemeliharaan%20seni%20bina%20bangunan%20(24pgs).pdf)

Anisah Bahyah Ahmad. (2013). Seni bina Islam : Satu Pengamatan. Diambil daripada

[https://www.researchgate.net/publication/277667082\\_Seni\\_bina\\_Islam\\_Satu\\_Pengamatan](https://www.researchgate.net/publication/277667082_Seni_bina_Islam_Satu_Pengamatan)

Dr. Siti Norlizaiha Harun. (2005). Perkembangan Sejarah dan Pengaruh Ke Atas Senibina

Di Malaysia: Sebuah Tinjauan Ringkas. Diambil daripada  
[https://www.academia.edu/6035467/Sejarah\\_dan\\_Pengaruh\\_Senibina](https://www.academia.edu/6035467/Sejarah_dan_Pengaruh_Senibina)

Muhammad Ainuddin Bin Mustafa. (2015). Penerimaan Masyarakat Terhadap Institusi Muzium : Kajian Kes Di Muzium Negeri Kelantan. Diambil daripada  
<https://ir.unimas.my/id/eprint/18429/>

Dr. Kamarul Azmi Jasmi. (2012). Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif. Diambil daripada <http://eprints.utm.my/id/eprint/41091/>

Prof Emeritus Dr Ibrahim Komoo. (21 January, 2020). Pemulihan warisan: Kita terlatih tapi tidak terdidik. Berita Harian Online. Diambil daripada  
<https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2020/01/648583/pemulihan-warisan-kita-terlatih-tapi-tak-terdidik>

Jabatan Warisan Negara. Department of National Heritage (2015). Diakses pada 29 June, 2021. Diambil daripada <https://m.facebook.com>.

Nor Hanisah bt. Ahmad. Pengenalan Kepada Dunia Permuziuman. Diakses pada 17 June, 2021. Diambil daripada  
<http://www.jmm.gov.my/files/Pengenalan%20Kepada%20Dunia%20Permuziuman.pdf>.

Paiman Keromo. Muzium dan Masyarakat. Diakses pada 17 June, 2021. Diambil daripada  
<http://www.jmm.gov.my/files/MUZIUM%20DAN%20MASYARAKAT.pdf>.

Laman Web Muzium Islam. Latar Belakang Muzium Islam. Diakses pada 25 Disember 2021.  
Diambil dari <https://muzium.kelantan.gov.my/index.php/ms/muzium3/muzium-islam>

Anushiah Gopala Krishnan (2015). Ukiran Kayu Tebuk Tembus, diakses pada 26 Disember 2021. Diambil dari <https://id.scribd.com/doc/259356337/Ukir-Kayu-Tebuk-Tembus>

Mohamad Sufian Hasim (1998). Pengekalan dan Pemuliharaan Bangunan Lama dan Bersejarah di Bandar Klang Sebagai Destinasi Pelancongan (Kes Kajian Di Bandar Klang Selangor). Diambil daripada <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/24172/>

Intan Norfazyana Binti Aziz (2019). Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Kedatangan Pengunjung ke Muzium Sabah. Diambil daripada [https://www.researchgate.net/publication/318359491\\_FAKTOR-FAKTOR\\_YANG\\_MEMPENGARUHI\\_KEDATANGAN\\_PENGUNJUNG KE\\_MUZIUM\\_SABAH](https://www.researchgate.net/publication/318359491_FAKTOR-FAKTOR_YANG_MEMPENGARUHI_KEDATANGAN_PENGUNJUNG KE_MUZIUM_SABAH)

Zulhilmi Paidi, Assoc, Prof. Dr Rohani Ab Ghani, Ahmad Shukri Abdul Hamid, Dr Suhanim Abdullah, Mohamad Khadafi Hj. Rofie (2014). Indeks Konservasi Bangunan Bersejarah dan Tapak Warisan Kebudayaan : Pendokumentasian dan Pengkategorian Untuk Industri Pelancongan Warisan (Heritage Tourism) di Negeri-negeri Utara Semenanjung Malaysia. Diambil daripada <http://repo.uum.edu.my/id/eprint/14590/>

Nurul Nadia Afandi (2010). Pemuliharaan dan Kos Baik Pulih Bangunan Lama di Pulau Pinang. Diambil dari <https://bic.utm.my/files/2018/04/NURUL-NADIA-AFANDI.pdf>.

Shaik Azahar Shaik Hussain (2014). Mempromosikan Muzium Islam Di Kelantan. Diambil dari [https://www.academia.edu/19996356/MEMPROMOSIKAN\\_MUZIUM\\_ISLAM\\_DI\\_KELANTAN\\_TERHADAP\\_PENGUNJUNG](https://www.academia.edu/19996356/MEMPROMOSIKAN_MUZIUM_ISLAM_DI_KELANTAN_TERHADAP_PENGUNJUNG).

**LAMPIRAN****CARTA GANTT : PROJEK PENYELIDIKAN 1**

PERKARA	MINGGU														
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15
Perjumpaan Bersama Penyelia	/														
Draf awal	/	/													
Bab 1 : Pendahuluan		/	/	/	/	/	/								
Bab 2 : Sorotan Kajian		/	/	/	/	/	/	/	/						
Bab 3 : Metodologi Kajian		/	/	/	/	/	/	/	/	/	/				
Pembetulan												/	/		
Pembentangan PP1													/		
Pengeditan semula													/		
Penghantaran PP1													/		

### CARTA GANTT : PROJEK PENYELIDIKAN 2

PERKARA	MINGGU														
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15
Perjumpaan Bersama Penyelia			/		/			/	/		/				
Perbincangan Projek Penyelidikan 2					/			/							
Membuat Soalan Temubual					/	/	/								
Perjumpaan Bersama Penyelia								/							
Pembetulan untuk Soalan Temubual								/	/						
Kajian Lapangan									/	/					
Menganalisis Dapatan Temubual										/	/	/			
Bab 4 : Dapatan Kajian										/	/	/			
Bab 5 : Rumusan dan Cadangan											/	/			
Penghantaran Bab 4 dan Bab 5											/				
Perjumpaan bersama Penyelia												/	/		
Penambahbaikan Laporan Projek Penyelidikan												/	/		
Penghantaran Laporan Projek Penyelidikan													/	/	
Pembentangan Projek Penyelidikan 2															/

**JAWAPAN TEMUBUAL ( PEKERJA MUZIUM ISLAM)****Jumlah informan : 3 orang**

Nama informan :

1. Amirul bin Mamat @ Muhammad
2. Mohd Nizam bin Othman
3. Ali Hilmi bin Daub

1. Adakah bangunan warisan seperti Muzium Islam harus dipelihara, mengapa?
  - 1) Ya, bangunan Muzium Islam harus dipelihara kerana latarbelakang sejarah dan seni bina rumah Kelantan.
  - 2) Ya, kerana ia merupakan bangunan bersejarah dan merupakan bangunan warisan negeri Kelantan.
2. Pada pendapat encik, apakah kesan positif yang boleh didapati apabila Muzium Islam ini dipelihara, dari segi keindahan dan ekonomi?
  - 1) Bagi menarik pelancong datang melawat Kelantan
  - 2) Dapat meningkatkan imej dan nilai estetika bangunan warisan yang terdapat di negeri Kelantan. Dapat menarik lebih ramai pelancong ke muzium.
  - 3) Dapat meningkatkan ekonomi pelancongan dalam sesebuah negeri
3. Adakah pemeliharaan bangunan Muzium Islam dapat meningkatkan imej dan nilai estetika di kawasan tersebut?
  - 1) Ya, pemeliharaan Muzium Islam perlu kerana ianya berada dalam kawasan zon budaya warisan.
4. Apakah keistimewaan dan keunikan yang ada pada setiap reka bentuk bangunan Muzium Islam?
  - 1) Reka bentuk rumah Melayu Kelantan dan hiasan ukiran pada dinding dan sudut-sudut yang lain.
  - 2) Bangunan ini juga mempunyai anjung di bahagian hadapan sebagai tempat untuk menyaksikan pelbagai upacara dan pertunjukkan.
  - 3) Pelbagai jenis ukiran menghiasi setiap pintu, tingkap dan ruangan dalaman. Kebanyakkan ukiran-ukiran ini memagar ayat-ayat suci al-Quran yang digubah dalam seni reka dan khat yang cantik dan menarik.
  - 4) Reka bentuknya yang unik dan clasik
5. Pada pendapat anda, apakah kepentingan nilai sejarah bangunan Muzium Islam sehingga perlu dipelihara?
  - 1) Merupakan rumah Kediaman Menteri Besar, dijadikan Pejabat Majlis Agama (MAIK), Perpustakaan Islam dan Muzium Islam.

- 2) Bangunan ini juga pernah dijadikan sebagai tempat belajar murid-murid madrasah Muhammadiyah Melayu sebelum sekolah tersebut berpindah ke bangunan baru di Merbau pada tahun 1956.
- 3) Tingkat bawah merupakan tempat belajar murid-murid madrasah Muhammadiyah Melayu yang ditubuhkan oleh Majlis Agama Islam Kelantan(MAIK).
- 4) Sejarah penubuhan muzium islam merupakan salah satu sejarah negeri kelantan dan perkembangan agama islam di kelantan. Oleh itu, sangat penting untuk masyarakat tahu bagaimana islam berkembang di negeri Kelantan suatu ketika dahulu.

### **Soalan Tambahan**

1. Apakah kerja-kerja konservasi yang dilakukan dalam pemeliharaan bangunan Muzium Islam dan bagaimanakah caranya ?
  - 1) Membaiki kerosakan bangunan Muzium Islam tanpa mengubah bentuk asal bangunan.
  - 2) Bangunan ini pernah diubahsuai pada tahun 1917 dan 1962 untuk menjadikan rumah kediaman tersebut sebagai ruang pejabat.
  - 3) Kemudian, kerja pengubahsuaian bangunan ini dimulakan pada tahun 1991 dengan kos RM218,000. Diubahsuai sebagai Muzium Islam, perpustakaan islam dan asrama pelajar-pelajar Maahad Tahfiz Al-Quran.
  - 4) Pengubahsuaian ini tidak mengubah ciri-ciri bahagian luar bangunan, namun hampir keseluruhan ciri-ciri bahagian dalaman seperti tangga dan pintu yang diubah dan dibuang.
2. Apakah jenis kayu yang digunakan dan bagaimanakah proses pemilihan kayu yang baik dalam memelihara bangunan Muzium Islam?
  - 1) Dari jenis kayu cengal, merebau dan Seraya. Pemilihan kayu cengal adalah yang terbaik kerana kayu cengal merupakan jenis kayu yang tahan lasak dan kukuh.
3. Apakah sejarah seni bina yang ada pada bangunan Muzium Islam dari awal penubuhan sehingga kini?
  - 1) Merupakan bekas pejabat lama Majlis Agama dan Adat Istiadat Melayu Kelantan yang mempunyai ciri-ciri reka bentuk yang unik yang merupakan rumah kediaman bekas Menteri Besar Kelantan iaitu Encik Hassan bin Mohd Salleh pada tahun 1990 sehingga 1920.
  - 2) Dibina berdasarkan ciri-ciri bangunan rumah Melayu Kelantan-Pattani pada abad ke-19 dan abad ke-20.
  - 3) Pada tahun 1920-2940 rumah ini dijadikan perpustakaan bagi kitab-kitab dan juga merupakan pejabat mufti pada ketika itu.
  - 4) Bangunan ini dirasmikan sebagai Muzium Islam pada tanggal 11 November 1991 dengan mempamerkan artifak, kitab-kitab dan dokumen bersejarah disertakan dengan maklumat tentang sejarah perkembangan Islam di Kelantan.
4. Apakah jenis-jenis ukiran yang diukir pada bangunan Muzium Islam? Dan siapakah tukang ukir yang terlibat?

- 1) Ukiran pada dinding yang dikenali sebagai Janda Berhias, daun tingkap dibuat berupa sisik angin untuk mendapatkan udara walaupun tingkapnya tertutup.
  - 2) Pada sesetengah bahagian dinding dan tingkap ruangan dalaman juga dipenuhi dengan jenis ukiran seni khat yang memagar ayat-ayat suci Al-Quran yang cantik dan menarik.
5. Berdasarkan kaji selidik, saya dapati bahawa seni bina bangunan Muzium Islam mempunyai pengaruh Rumah Melayu Kelantan dan Pattani, boleh encik ceritakan lebih lanjut tentang pengaruh seni bina bangunan Muzium Islam ini?
- 1) Bangunan ini dibina berasaskan rumah Melayu Kelantan-Pattani.
  - 2) Dinding yang diperbuat daripada kayu cengal dan atapnya menggunakan atap Singgora. Yang terkenal dengan lebar tebal dan kukuh.
  - 3) Pada tahun 1905, bangunan ini dijadikan tempat sambutan lawatan Maharaja Siam iaitu Maharaja Chulalongkorn Rama V di Kota Bharu. Kemudian, rumah ini telah dibeli oleh Majlis Agama Islam Kelantan(MAIK).

## JAWAPAN TEMUBUAL ( MASYARAKAT)

**Jumlah Informan : 6 orang**

Nama informan :

INFORMAN 1: Siti Saripah binti Awang

INFORMAN 2 : Ruqiah Hanin binti Zulkepli

INFORMAN 3 : Nooralani

INFORMAN 4 : Nur Alyaa Shahira bt Muhamad Arifin

INFORMAN 5 : Din bin Awang

INFORMAN 6 : Faizul Hakimi

1. Adakah bangunan warisan seperti Muzium Islam harus dipelihara, mengapa?

**INFORMAN 1:** Ya, untuk tatapan anak cucu.

**INFORMAN 2:** Ya, supaya segala khazanah-khazanah pada masa dulu dapat disimpan dengan baik dan dengan adanya Muzium Islam, remaja-remaja serta rakyat-rakyat dapat melihat dan mengetahui tentang sejarah sosial budaya masyarakat Islam.

**INFORMAN 3 :** Ya, amat penting Muzium Islam dipelihara supaya khazanah-khazanah Islam tidak pudar dan dapat dijadikan rujukan oleh rakyat.

**INFORMAN 4 :** Ya, harus dipelihara sebab ini je peninggalan warisan yang kita ada.

**INFORMAN 5 :** Ya, kerana kita boleh melihat reka bentuk pada awal abad ke 19 yang mana orang terdahulu membina bangunan warisan ini menggunakan tenaga kerja manusia sepenuhnya dan ukiran tangan pada masa itu.

**INFORMAN 6 :** Ya. Sebab ia merupakan salah satu peninggalan bersejarah.

2. Pada pendapat encik, apakah kesan positif yang boleh didapati apabila Muzium Islam ini dipelihara, dari segi keindahan dan ekonomi?

**INFORMAN 1:** Menarik pelancong.

**INFORMAN 2 :** Pada pandangan saya, dari segi keindahan, artifak, gambar-gambar dan rajah-rajab yang terdapat didalam Muzium Islam mempunyai keunikan dan kecantikannya yang tersendiri yang boleh dijadikan rujukan untuk memberikan idea kesenian kepada rakyat.

**INFORMAN 3 :** Kesan positif dari segi keindahan, kita dapat lihat banyak keindahan seni yang dihasilkan kerana wujudnya khazanah-khazanah yang boleh dijadikan rujukan. Kewujudan Muzium Islam ini juga dapat meningkatkan ekonomi negara kerana dapat menarik minat pelancong luar untuk melihat khazanah-khazanah ini.

**INFORMAN 4 :** Dari segi keindahan, muzium Islam dapat menjadi daya tarikan pelancong, manakala dari sudut ekonomi pula akan bertambahlah sumber ekonomi jika ramai pelancong berkunjung ke sana.

**INFORMAN n 5 :** Dapat meningkatkan ekonomi perlancongan termasuklah dari negara luar untuk mereka melihat koleksi yang dipamerkan dalam muzium Islam ini. Dari segi keindahan reka bentuk seni bina bangunan yang begitu unik dan antik juga dapat menarik pelancong dengan lebih ramai.

**INFORMAN 6 :** Pada pendapat saya, kesan yang positif dari segi keindahan ialah masyarakat dapat melihat reka bentuk bangunan bersejarah yang klasik, manakala dari segi ekonomi pula. Ia merujuk kepada ekonomi pelancongan yang mampu memberi pendapatan kepada sesebuah negeri itu.

3. Adakah pemeliharaan bangunan Muzium Islam dapat meningkatkan imej dan nilai estetika di kawasan tersebut?

**-Kesemua Informan Menjawab Ya**

4. Apakah keistimewaan dan keunikan yang ada pada setiap reka bentuk bangunan Muzium Islam?

**INFORMAN 1:** Unik dan tersendiri.

**INFORMAN 2 :** Pada pandangan saya, setiap reka bentuk bangunan Muzium Islam dihasilkan berdasarkan kisah dan kesenian orang pada zaman dahulu. Setiap seni yang dihasilkan mempunyai maksud dan maknanya yang tersendiri.

**INFORMAN 3 :** Setiap reka bentuk bangunan Muzium Islam sangat unik dan memiliki maksud tersendiri.

**INFORMAN 4 :** Dekorasi, seni bina dan sejarah muzium.

**INFORMAN 5 :** Bangunan yang tegak yang diperbuat daripada bahan jenis kayu dan batu yang menggunakan tenaga kerja manusia sepenuhnya dan ukiran tangan yang begitu unik dan menarik termasuklah pameran yang dipamerkan.

**INFORMAN 6 :** Pada pandangan saya, keistimewaan dan keunikan pada reka bentuk bangunan ini terlihat daripada seni ukiran. Ini kerana, setiap reka bentuk yang diukir mempunyai makna dan maksud yang tertentu.

5. Pada pendapat anda, apakah kepentingan nilai sejarah bangunan Muzium Islam sehingga perlu dipelihara?

**INFORMAN 1 :** Untuk menghargai peninggalan orang terdahulu.

**INFORMAN 2 :** Muzium Islam amatlah penting dan perlu dipelihara supaya khazanah-khazanah pada zaman dulu tidak pudar dari ingatan rakyat sekaligus dapat diingati dan dihargai oleh rakyat sampai bila bila.

**INFORMAN 3 :** Muzium Islam perlu dipelihara supaya koleksi bahan, khazanah-khazanah dan gambar-gambar yang berorientasikan Islam tidak hilang dan terus menjadi rujukan rakyat.

**INFORMAN 4 :** Pentingnya untuk diperkenalkan kepada generasi akan datang agar budaya dan sejarah yang terdapat pada bangunan Muzium Islam ini tidak dilupakan suatu hari nanti.

**INFORMAN 5 :** Bangunan yang kelihatan begitu unik dan klasik perlu dipelihara agar dapat menonjolkan hasil kerja tangan dan kemahiran membina bangunan warisan masyarakat terdahulu kepada generasi yang akan datang.

**INFORMAN 6 :** Pada pendapat saya, kepentingan nilai sejarah bangunan Muzium Islam ini ialah dapat memupuk nilai moral Islam dan dapat mempelajari cara pendidikan Islam yang terdahulu. Sebab itulah ianya perlu dipelihara sebaik mungkin.